




MOH/P/BPTK/18.25(AR) - E

LAPORAN 2024 TAHUNAN



**BAHAGIAN PERUBATAN
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI**



Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.


MOH/P/BPTK/18.25(AR) - E



Diterbitkan secara digital oleh:

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Blok E, Jalan Cenderasari
50590, Kuala Lumpur

Tel: 03-22798100
Laman Web: hq.moh.gov.my/tcm
Emel: tcm@moh.gov.my



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Dr. Goh Cheng Soon

PENYELARAS & PEREKA GRAFIK

Cik. Jivanti Murugaiyan

AHLI JAWATANKUASA

Pn. Suriani binti Abd. Kadir

Pn. Choong Yuen Shih

Pn. Catherine Benedict

Pn. Suraya Hani binti Sharon

Dr. Sivasangari Balan

Cik. Ng Suk Kuan

PENGULAS

Dr. Jaspal Kaur Marik Singh

PENYUMBANG ARTIKEL

- Cik. Teh Li Yin
- Cik. Teoh Sheh Ki
- Dr. Ng Angeline
- Pn. Chai Lan Yin
- Dr. Syarifah Firyelhana Syed Abdul Rahman
- Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus
- Dr. Muhd. Zubair bin Zain Al-Aabideen
- Dr. Wong Pi Ying
- Cik Wong Meng Xian
- Pn. Salasiah binti Abdullah
- Pn. Gong Jia Ying
- Dr. Chan Li Yen
- Pn. Choong Yuen Shih
- Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof
- Dr. Abdul Maheenudeen bin Haji Mohamed
- Dr. Norazreen binti Rahim
- En. Gunalan Jeyaraman
- Dr. Kavitha Agamutu
- Dr. Asvini Kanan
- En. Muhammad Haffis bin Mohd. Musthafa
- En. Baharuddin bin Azeesur Rahman
- Dr. Samir Imran bin Asarudin
- Cik Ng Suk Kuan

Terima kasih di atas sumbangan anda
kepada Laporan Tahunan 2024



KANDUNGAN

2

PERUTUSAN
PENGARAH

3

VISI, MISI,
OBJEKTIF &
DASAR
KUALITI

4

PENCAPAIAN
OBJEKTIF KUALITI

PEJABAT
CAWANGAN PT&K

8

12

PENGUATKUASAAN
AKTA PT&K 2016
(AKTA 775)

20

PERISTIWA PENTING
2024

25

KERJASAMA
ANTARABANGSA

38

KERJASAMA
TEMPATAN

44

PELAKSANAAN
AKTIVITI BLUEPRINT

PENERBITAN

49



52

STATISTIK &
PENCAPAIAN

PENDIDIKAN
PENGGUNA

64

72

PEMBANGUNAN
KOMPETENSI

81

AKTIVITI LAIN
BERKAITAN PT&K

85

LAPORAN
KEWANGAN

AKTIVITI
JAWATANKUASA
BPTK

88



SINGKATAN



| | |
|--------|--|
| AIIA | <i>All India Institute of Ayurveda</i> |
| AI | Kecerdasan Buatan |
| ASEAN | Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara |
| AYUSH | Kementerian Ayurveda, Yunani, Naturopati, Siddha dan Homeopati |
| BPTK | Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari |
| BTM | Mesyuarat Teknikal Dua Hala |
| CACMS | <i>Chinese Academy of Chinese Medical Sciences</i> |
| CCIM | <i>Central Council of Indian Medicine</i> |
| CKAPS | Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta |
| CME | <i>Continuous Medical Education</i> |
| CMPTK | Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari |
| CP | <i>Cerebral Palsy</i> |
| CPF | Cawangan Penguatkuasaan Farmasi |
| CPTK | Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari |
| DHI | <i>Digital Health Innovation</i> |
| ESD | <i>Expatriate Services Division</i> |
| ILKAP | Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan |
| IndSF | Kerangka Kemahiran Industri |
| IP | Harta Intelek |
| ITMCTR | Pendaftaran Kajian Klinikal Perubatan Tradisional Antarabangsa |
| I&P | Inspektorat & Penguatkuasaan |
| JKN | Jabatan Kesihatan Negeri |
| KK | Klinik Kesihatan |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KPK | Kursus Pembangunan Kapasiti |

| | |
|----------|--|
| MoU | Memorandum Persefahaman |
| MPK | Modul Pembangunan Kapasiti |
| NATCM | <i>National Administration of Traditional Chinese Medicine</i> |
| NCISM | <i>National Commission for Indian Systems of Medicine</i> |
| NIH | Institut Kesihatan Negara |
| NPRA | Bahagian Regulatori Farmasi Negara |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PKD | Pejabat Kesihatan Daerah |
| PPPB | Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar |
| PPS | Perakuan Pengamalan Sementara |
| PTC | Perubatan Tradisional Cina |
| PTI | Perubatan Tradisional India |
| PTM | Perubatan Tradisional Melayu |
| PTP | Penjagaan Tradisional Postnatal |
| PT&K | Perubatan Tradisional dan Komplementari |
| ToT | <i>Training of Trainers</i> |
| TKPK (P) | Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) |
| SISPAA | Sistem Pengurusan Aduan Awam |
| WFAS | <i>World Federation of Acupuncture-Moxibustion Societies</i> |
| WHO | Pertubuhan Kesihatan Sedunia |

PERUTUSAN PENGARAH



SALAM SEJAHTERA

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), rakan-rakan strategik dan semua pihak yang telah memberikan komitmen tinggi dalam menjayakan pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2024.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Sidang Pengarang atas penerbitan Laporan Tahunan BPTK 2024.

Tahun ini merupakan satu fasa penting dalam usaha memperkukuh sistem penyampaian perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia. Sepanjang tahun 2024, BPTK telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berimpak tinggi yang selari dengan hala tuju Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Dasar PT&K Kebangsaan.

Antara pencapaian utama termasuk penganjuran Persidangan Antarabangsa PT&K ke-10 (INTRACOM) yang menghimpunkan pengamal, penyelidik dan penggubal dasar, serta penerbitan buku Keutamaan Penyelidikan PT&K di Malaysia 2024-2029, yang menjadi rujukan dan panduan kepada pihak berkepentingan dalam industri di Malaysia, khususnya berkaitan penentuan bidang keutamaan dalam sektor ini.

Kita juga menyaksikan kolaborasi antarabangsa melalui penglibatan aktif dalam mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ASEAN, dan kerjasama dua hala dengan negara-negara seperti China, India, dan Korea Selatan. Malah, program advokasi dan pendidikan kesihatan melalui media massa dan media sosial turut dilaksanakan dengan lebih meluas bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan peranan dan keselamatan PT&K.

BPTK juga telah memperkukuh hubungan dengan pengamal melalui sesi libat urus, pemeriksaan pematuhan fasiliti, dan pelaksanaan audit pematuhan, yang kesemuanya memberi gambaran positif terhadap tahap pematuhan industri PT&K. Kesemua kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat semua pihak yang terlibat – sama ada daripada sektor kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi, mahupun komuniti.

Akhir kata, marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan semangat bersepadu, berintegriti dan berinovasi dalam memperkasa PT&K ke arah sistem kesihatan yang lebih holistik, selamat dan berkesan untuk rakyat Malaysia.

Dr. Goh Cheng Soon

VISI

BPTK beriltizam menjadi peneraju kecemerlangan dalam bidang PT&K

MISI

BPTK akan memastikan PT&K adalah selamat dan berkualiti ke arah kesejahteraan rakyat

OBJEKTIF

- ▶ Memastikan amalan PT&K mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan sedia ada
- ▶ Mengoptimalkan integrasi perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan
- ▶ Memperkasa pengamal dan perkhidmatan PT&K ke arah professionalisme
- ▶ Mewujudkan jalinan kerjasama dan kolaborasi dengan pelbagai sektor untuk perkembangan PT&K
- ▶ Memperkasa pengetahuan pengguna berkenaan penggunaan PT&K yang selamat dan berkualiti

DASAR KUALITI

BPTK bertekad untuk meningkatkan tahap serta kualiti kesihatan rakyat. Kami adalah komited dalam mematuhi keperluan undang-undang, peraturan-peraturan, memenuhi keperluan pelanggan serta melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem kawalan dan piawaian PT&K

PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI



UNIT PT&K



Pemantauan unit PT&K Zon Tengah dilaksanakan dua (2) kali setahun



**SURAT
MAKLUM
BALAS**



Pemrosesan surat maklum balas pengamal PT&K warga asing dalam tempoh 10 hari bekerja



**LAPORAN
ADUAN**



Laporan awal siasatan aduan dikeluarkan dalam masa 14 hari bekerja



**MAKLUM
BALAS
ADUAN**



Maklum balas aduan diberi dalam masa 24 jam waktu bekerja



**AMALAN
PT&K**



Maklum balas penerimaan dokumen penilaian amalan PT&K di Malaysia untuk menjadi bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 diberi dalam masa tiga (3) hari bekerja



PIAGAM PELANGGAN

BPTK beriltizam untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, berkualiti dan mesra seperti berikut:

MAKLUM BALAS PERMOHONAN



MEMASTIKAN PEMROSESAN SURAT MAKLUM BALAS PENGAMAL PT&K WARGA ASING DALAM MASA 10 HARI BEKERJA

ADUAN PELANGGAN




MEMASTIKAN MAKLUM BALAS ADUAN BERKAITAN AMALAN DAN PENGAMAL PT&K DIBERIKAN DALAM TEMPOH 24 JAM WAKTU BEKERJA

BAYARAN BIL



MEMASTIKAN BAYARAN BIL DISELESAIKAN DALAM MASA 14 HARI DARIPADA TARIKH INVOIS DITERIMA

CARTA ORGANISASI



FUNGSI BPTK

01

Merancang dan mengkaji dasar dan hala tuju dalam bidang PT&K di Malaysia

02

Membangunkan pelan dan strategi dalam pembangunan dan perkembangan PT&K di Malaysia

03

Merancang dan memantau pelaksanaan perkhidmatan PT&K di fasiliti kesihatan KKM di peringkat kebangsaan, negeri dan kesihatan primer

04

Merancang dan mewujudkan kolaborasi dengan sektor kerajaan, swasta dan antarabangsa dalam perkembangan PT&K

05

Merancang dan memantau aktiviti pengawalseliaan amalan dan pengamal PT&K di Malaysia berdasarkan peraturan dan undang-undang

06

Merancang dan mengendalikan aktiviti pendidikan pengguna bagi meningkatkan kesedaran dalam penggunaan PT&K yang selamat dan berkualiti

07

Merancang dan memantau pengurusan sumber manusia, kewangan dan pembangunan modal insan berdasarkan keperluan aktiviti PT&K


PEJABAT CAWANGAN PT&K (CPTK)

Pejabat CPTK telah ditubuhkan di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terpilih sejak tahun 2010 bagi membantu BPTK menjalankan fungsi-fungsinya di peringkat negeri mengikut zon liputan yang ditetapkan.


Sehingga kini, terdapat enam (6) pejabat CPTK, iaitu di Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak.

Zon Tengah Semenanjung Malaysia diletakkan di bawah pemantauan BPTK (Rajah 1).

FUNGSI



LOKASI PEJABAT CPTK



PEJABAT CPTK ZON UTARA

Lokasi
JKN Pulau Pinang

Kawasan Liputan

- Pulau Pinang
- Kedah
- Perlis

1

PEJABAT CPTK ZON SELATAN

Lokasi
JKN Johor

Kawasan Liputan

- Johor
- Melaka

2

PEJABAT CPTK ZON TIMUR

Lokasi
JKN Terengganu

Kawasan Liputan

- Terengganu
- Kelantan
- Pahang

3

PEJABAT CPTK PERAK

Lokasi
JKN Perak

Kawasan Liputan

- Perak

4

PEJABAT CPTK SARAWAK

Lokasi
JKN Sarawak

Kawasan Liputan

- Sarawak

5

PEJABAT CPTK SABAH

Lokasi
JKN Sabah

Kawasan Liputan

- Sabah
- Wilayah Persekutuan Labuan

6

Rajah 1: Lokasi dan kawasan liputan pejabat CPTK

FOCAL POINT PT&K, JABATAN KESIHATAN NEGERI (JKN)

Pada tahun 2020, *Focal Point* PT&K daripada Bahagian Perubatan di JKN telah dilantik bagi negeri yang tiada Pejabat CPTK, iaitu Perlis, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kelantan, Pahang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelantikan pegawai focal point bertujuan untuk membangunkan sistem pengawalseliaan yang cekap dan menyeluruh di peringkat negeri bagi memastikan keselamatan dan kualiti perkhidmatan PT&K di Malaysia.

Fungsi *Focal Point* PT&K adalah seperti di **Rajah 2**



Rajah 2: Fungsi-fungsi *Focal Point* PT&K

PERKHIDMATAN PT&K

Sehingga kini, terdapat 15 buah hospital KKM yang menawarkan perkhidmatan PT&K di seluruh negara sebagai terapi pelengkap dengan indikasi khusus, rejim yang telah ditetapkan, prosedur serta sistem rujukan seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Amalan PT&K (**Jadual 1**).

Jadual 1 : Perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM

| No. | Hospital KKM | Tahun ditubuhkan | Perkhidmatan PT&K yang ditawarkan |
|-----|---|------------------|---|
| 1. | Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang | 2007 | -Akupunktur - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser |
| 2. | Hospital Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya | 2008 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 3. | Hospital Sultan Ismail, Johor | 2008 | -Akupunktur - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser |
| 4. | Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu | 2009 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 5. | Hospital Duchess of Kent, Sabah | 2009 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 6. | Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah | 2010 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 7. | Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan | 2010 | -Akupunktur - Urut Tradisional -Shirodhara* -Terapi Basti Luaran* |
| 8. | Hospital Umum Sarawak, Sarawak | 2010 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 9. | Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan | 2011 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 10. | Hospital Rehabilitasi Cheras, Wilayah Persekutuan KL | 2013 | -Akupunktur - Urut Tradisional -Shirodhara* -Terapi Basti Luaran* |
| 11. | Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Sabah | 2013 | -Akupunktur - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser |
| 12. | Institut Kanser Negara, Wilayah Persekutuan Putrajaya | 2013 | -Akupunktur -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser |
| 13. | Hospital Jasin, Melaka | 2014 | -Akupunktur - Urut Tradisional |
| 14. | Hospital Sungai Buloh, Selangor | 2017 | -Terapi Varmam* |
| 15. | Hospital Selayang, Selangor | 2022 | -Akupunktur |

*Perkhidmatan Shirodhara, Terapi Basti Luaran dan Varmam ditangguhkan sementara waktu sehingga pengamal dan penolong pengamal Perubatan Tradisional India (PTI) yang baharu dideputasikan oleh kerajaan India.



AKTA PT&K 2016 [AKTA 775]

- **PENGUATKUASAAN AKTA**
 - **PENDAFTARAN
PENGAMAL DI BAWAH
AKTA**
-

PENGUATKUASAAN AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [AKTA 775]

Akta PT&K 2016 [Akta 775] merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis PT&K untuk mengawal selia perkhidmatan PT&K di Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Penguatkuasaan Akta 775 dilaksanakan secara berfasa melalui pemberitahuan dalam Warta dengan penetapan permulaan kuat kuasa yang berlainan oleh Menteri Kesihatan seperti yang berikut:



FASA 1

TARIKH BERKUAT KUASA : 1 OGOS 2016

Melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U. (B) 325/2016], Fasa 1 telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016, memfokuskan mengenai penubuhan Majlis PT&K, mengenal pasti bidang amalan diiktiraf serta hal-hal mengenai penetapan badan pengamal PT&K.

Melalui Perintah PT&K (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017 [P.U. (A) 223/2017], yang telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017, terdapat tujuh (7) bidang amalan yang diiktiraf iaitu:

- (a) Perubatan Tradisional Melayu (PTM);
- (b) Perubatan Tradisional Cina (PTC);
- (c) Perubatan Tradisional India (PTI);
- (d) Homeopati;
- (e) Kiropraktik;
- (f) Osteopati; dan
- (g) Amalan Pengubatan Islam.



FASA 2

TARIKH BERKUAT KUASA : 1 MAC 2021

Melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U. (B) 118/2021], Fasa 2 telah berkuat kuasa pada 1 Mac 2021, memfokuskan mengenai pentadbiran am Majlis PT&K, hal-hal pengamal PT&K, kewajipan dan tanggungjawab pengamal berdaftar, prosiding tatatertib, hak pesakit dan penguatkuasaan kesalahan oleh badan korporat. Pada fasa ini juga, Peraturan-Peraturan PT&K 2021 [P.U. (A) 69/2021] juga mula berkuat kuasa.

Fasa ini juga merupakan suatu tempoh peralihan bagi tujuan pendaftaran pengamal PT&K. Tempoh peralihan ini merujuk kepada tempoh masa yang ditetapkan untuk membenarkan pengamal yang dikategorikan sebagai golongan '*grandfathering*', iaitu pengamal tanpa kelayakan asas yang diiktiraf tetapi berkemahiran dan berpengalaman dalam sesuatu bidang amalan yang diiktiraf, untuk berdaftar dengan Majlis PT&K mengikut keperluan yang dinyatakan.

Peraturan-Peraturan PT&K 2021 [P.U. (A) 69/2021] dan Peraturan-Peraturan PT&K (Pindaan) 2024 [P.U. (A) 68/2024] menetapkan kelayakan untuk memohon sebagai pengamal untuk didaftarkan di bawah Akta 775.

Melalui peraturan-peraturan ini, pemohon hendaklah memperoleh kelayakan diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga [P.U. (A) 69/2021] atau memenuhi apa-apa keperluan pengalaman dalam bidang amalan yang diiktiraf dan menjalani kursus pembangunan kapasiti (KPK) dalam bidang amalan yang diiktiraf sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis PT&K (sekiranya dikehendaki oleh Majlis PT&K).

Melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan PT&K (Pindaan) 2024 pada 1 Mac 2024, perenggan 4(2)(b) dan subperaturan 4(3) yang berkaitan dengan pendaftaran pengamal PT&K melalui kaedah keperluan pengalaman, telah berkuat kuasa sehingga 28 Februari 2025. Pelanjutan tempoh peralihan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pengamal terbabit dapat memenuhi keperluan yang ditetapkan sebelum didaftarkan dengan Majlis PT&K dalam bidang amalan diiktiraf yang berkaitan.





FASA 3

TARIKH BERKUAT KUASA : 1 OGOS 2024



Melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U. (B) 246/2024], Fasa 3 telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024. Penguatkuasaan Fasa 3 ini memfokuskan kepada aktiviti penguatkuasaan serta tindakan perundangan yang boleh diambil dan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diberikan di bawah Akta 775.

Aktiviti penguatkuasaan termasuk pemeriksaan rutin ke atas pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf, pengesahan dan penyiasatan aduan serta pemantauan kepada pematuhan Akta 775. Pegawai penguat kuasa PT&K akan menjalankan lawatan ke premis secara berkala, menyemak rekod dan memastikan pematuhan kepada piawaian dan amalan PT&K yang ditetapkan.

Dalam penguatkuasaan Fasa 3, Akta 775, aktiviti penguatkuasaan dan tindakan perundangan akan bermula. Pelaksanaan ini akan dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:

a) Semasa Tempoh Peralihan (Sehingga 28 Februari 2025)

- Sepanjang tempoh ini, aktiviti penguatkuasaan dan tindakan perundangan boleh diambil, namun, adalah terhad melalui pendekatan pendidikan penguatkuasaan kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf sahaja.
- Pendekatan pendidikan penguatkuasaan berkenaan Akta 775 merupakan satu bentuk aktiviti kesedaran dan pemantauan kepada para pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Ia bertujuan bagi memastikan para pengamal PT&K mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Akta 775 serta kewajipan sebagai seorang pengamal PT&K berdaftar dalam menyediakan dan menyampaikan perkhidmatan PT&K yang berkualiti dan selamat.
- Antara pendekatan pendidikan penguatkuasaan adalah seperti pemeriksaan ke atas pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf, saringan iklan kemahiran dan perkhidmatan PT&K, dan komunikasi berterusan bagi menambah kesedaran kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf berkenaan pendaftaran dan pematuhan kepada Akta 775.

(b) Selepas Tamat Tempoh Peralihan (Bermula 1 Mac 2025)

- Selepas tamat tempoh peralihan, penguatkuasaan penuh bermula 1 Mac 2025. Aktiviti penguatkuasaan akan diperkasakan dan tindakan perundangan akan diambil terhadap para pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf yang didapati melanggar dan melakukan kesalahan di bawah Akta 775.



Rajah 3: Penguatkuasaan Akta PT&K 2016 (Akta 775)

MAJLIS PT&K

Majlis PT&K telah bersidang sebanyak empat (4) kali pada tahun 2024. Sebanyak tujuh (7) kertas pertimbangan, tiga (3) kertas makluman dan lima (5) pembentangan telah dibentangkan. Selain itu, enam (6) rumusan pendaftaran telah diedarkan untuk keputusan melalui emel.

PELAKSANAAN KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI (KPK) DAN MODUL PEMBANGUNAN KAPASITI (MPK)

Berdasarkan Akta 775, seseorang yang ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf perlu berdaftar dengan Majlis PT&K. Namun, terdapat pengamal yang tiada kelayakan yang diiktiraf tetapi mempunyai tahun pengalaman dan dikenali sebagai golongan ‘grandfathering’.

Bagi membantu pengamal dalam golongan ‘grandfathering’ untuk mendaftar sebagai pengamal PT&K di bawah Akta 775, Majlis PT&K telah menetapkan pelaksanaan KPK untuk bidang perubatan tradisional (Melayu, Cina, India) dan homeopati. Kehadiran ke KPK dengan jayanya adalah salah satu kriteria pendaftaran yang perlu dipenuhi oleh sebilangan pengamal yang dikenal pasti sehingga 31 Ogos 2025.

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 37 permohonan pusat latihan dan 173 permohonan tenaga pengajar KPK telah diterima dan diproses di mana 33 pusat latihan dan 118 tenaga pengajar telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis PT&K mengikut terma dan syarat di dalam Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar KPK dan Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan Dan Tenaga Pengajar KPK Secara Dalam Talian.

Permohonan ini diproses melalui Mesyuarat Penilaian KPK yang telah mengadakan sebanyak lima (5) kali pada tahun 2024 sebelum dikemukakan untuk kelulusan Majlis PT&K. Enam (6) sesi *Training of Trainers* (ToT) untuk 18 tenaga pengajar dan tiga (3) orang penyelararas pusat latihan KPK telah dijalankan pada tahun 2024. Sehingga 31 Disember 2024, 18 pusat latihan yang telah diluluskan oleh Majlis PT&K telah melaksanakan sebanyak 81 sesi KPK, yang dihadiri oleh 2499 orang pengamal.

Kehadiran ke MPK dengan jayanya adalah salah satu kriteria pendaftaran yang perlu dipenuhi oleh sebilangan pengamal perubatan berdaftar yang memohon untuk didaftarkan dengan Majlis PT&K dalam subbidang akupunktur (PTC).


Sehingga 31 Disember 2024, satu (1) pusat latihan dan sepuluh (10) orang tenaga pengajar telah diluluskan oleh Majlis PT&K. Satu (1) sesi penilaian MPK telah dilaksanakan pada Januari 2024.



Rajah 4: Statistik pelaksanaan KPK dari 15 Januari 2021- 31 Disember 2024

PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K

Pendaftaran pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf telah bermula sejak 15 Mac 2021. Jumlah permohonan pendaftaran yang diluluskan untuk pendaftaran pengamal PT&K tempatan dan warga asing adalah seperti dalam **Rajah 5**.



Rajah 5: Jumlah pengamal PT&K berdaftar dengan Majlis PT&K dari 15 Mac 2021 - 31 Disember 2024

PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K TEMPATAN BAGI TAHUN 2024

Dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, sebanyak 8259 permohonan pendaftaran pengamal PT&K tempatan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 7031 permohonan pendaftaran pengamal tempatan PT&K telah diluluskan. Selain itu, sebanyak 2208 Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) dan 4000 pembaharuan PPPB juga telah dikeluarkan pada tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan kelulusan permohonan pendaftaran pengamal PT&K Tempatan dari 1 Januari 2024 - 31 Disember 2024 mengikut bidang amalan yang diiktiraf.

Jadual 2: Pendaftaran pengamal PT&K tempatan dari 1 Januari 2024 – 31 Disember 2024

| Bidang amalan diiktiraf | Pengamal PT&K tempatan | | |
|---------------------------|--|------------------------------|--|
| | Jumlah permohonan pendaftaran baharu yang diluluskan | Jumlah PPPB yang dikeluarkan | Jumlah pembaharuan PPPB yang dikeluarkan |
| PTM | 3424 | 715 | 339 |
| PTC | 2461 | 1096 | 2958 |
| PTI | 221 | 77 | 37 |
| Homeopati | 165 | 66 | 153 |
| Kiropraktik | 193 | 98 | 130 |
| Osteopati | 1 | 0 | 2 |
| Amalan Pengubatan Islam | 566 | 156 | 381 |
| Jumlah Keseluruhan | 7031 | 2208 | 4000 |

PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K WARGA ASING BAGI 2024

Dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, sebanyak 167 permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing telah diterima oleh Cawangan Majlis PT&K. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) baharu dan 67 permohonan pembaharuan PPS diluluskan, manakala 9 permohonan PPS baharu telah ditolak. **Jadual 3** menunjukkan pecahan permohonan PPS baharu yang diluluskan mengikut bidang amalan diiktiraf yang dipohon.

Jadual 3: Pendaftaran pengamal PT&K warga asing dari 1 Januari 2023 – 31 Disember 2024

| Bidang amalan diiktiraf | Pengamal PT&K warga asing | |
|---------------------------|--|--|
| | Jumlah permohonan PPS baharu yang diluluskan | Jumlah Pembaharuan PPS yang diluluskan |
| PTC | 36 | 39 |
| PTI | 5 | 7 |
| Homeopati | 0 | 3 |
| Kiropraktik | 5 | 12 |
| Osteopati | 2 | 6 |
| Jumlah Keseluruhan | 48 | 67 |

PENGELUARAN SURAT MAKLUM BALAS UNTUK PEMBANTU PENGAMAL AYURVEDA BAGI 2024

Bermula 15 Jun 2023, kesemua permohonan untuk mendapatkan surat maklum balas bagi pembantu pengamal Ayurveda, diproses secara atas talian melalui sistem *Xpats Gateway* yang dikendalikan oleh *Expatriate Services Division* (ESD), Jabatan Imigresen Malaysia. Sepanjang tahun 2024, 44 permohonan pembantu pengamal Ayurveda telah diterima dan sebanyak 41 permohonan telah disokong melalui sistem ini. Tiga (3) permohonan terpaksa ditolak kerana tidak memenuhi kriteria.

PERISTIWA PENTING 2024



PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI KE-10 (10thINTRACOM)

Persidangan Antarabangsa Perubatan Tradisional dan Komplementari Ke-10 (10th INTRACOM) telah berlangsung dengan jayanya pada 27–28 November 2024 di Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam. Persidangan ini dianjurkan oleh BPTK dengan kerjasama Sunway *Traditional Chinese Medicine* (TCM) Center dan Kementerian Ayush, India, sebagai *Country Partner*. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia.



Imej 1: Majlis Perasmian 10th INTRACOM oleh YBMK

Dengan tema "PT&K dalam Era Digital", persidangan ini menghimpunkan lebih 400 peserta dan penceramah daripada lebih 20 negara. Ia bertujuan mempromosikan pengintegrasian teknologi digital dalam sistem penjagaan kesihatan, memajukan inovasi digital untuk penjagaan holistik berasaskan bukti dan memperkukuhkan kerjasama antara pihak berkepentingan untuk penyelesaian digital dalam PT&K.

Persidangan ini mengetengahkan inisiatif transformasi digital dalam penjagaan kesihatan dan hala tuju masa hadapan bagi PT&K di Malaysia.

Sesi utama meninjau bagaimana teknologi digital mengoptimumkan PT&K untuk mencapai perlindungan kesihatan sejagat, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan menyokong amalan berasaskan bukti.



Simposium memberi tumpuan kepada sistem pemantauan masa nyata, kecerdasan buatan (AI) serta penggunaan aplikasi digital dalam membuat keputusan klinikal.

Pakar WHO dan cendekiawan antarabangsa berkongsi pandangan mengenai inovasi global dalam PT&K dan menunjukkan bagaimana teknologi digital memacu kemajuan di peringkat antarabangsa. Persidangan ini juga mempunyai lebih 25 reruai pameran yang memfokuskan inovasi dalam PT&K dan kesihatan digital yang meningkatkan pemahaman peserta dan memperkukuhkan pertukaran pengetahuan dalam bidang ini.



Imej 2: Gambar berkumpulan 10th INTRACOM di NIH, Setia Alam

Salah satu agenda penting dalam persidangan ini adalah pelancaran dokumen "*Research Priorities in T&CM for Malaysia (2024–2029)*" yang menggariskan hala tuju strategik penyelidikan PT&K di Malaysia.

Persidangan ini menjadi platform penting untuk memupuk kolaborasi dan inovasi dalam memajukan PT&K dengan aspirasi untuk memberi inspirasi kepada usaha berterusan ke arah transformasi yang berkesan dalam bidang ini.



Imej 3: Aktiviti ketika persidangan

KEUTAMAAN PENYELIDIKAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI DI MALAYSIA 2024 – 2029

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan Keutamaan Penyelidikan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di Malaysia 2024-2029 pada 27 November 2024 di NIH. Penerbitan ini merupakan hasil usaha sama antara BPTK dan Sektor *Evidence-Based Healthcare*, NIH. Ia diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak berkepentingan dalam industri PT&K di Malaysia, khususnya berkaitan penentuan bidang keutamaan dalam sektor ini.

Penetapan keutamaan penyelidikan PT&K untuk Malaysia merupakan satu pencapaian penting bagi memajukan sektor ini. Langkah ini selaras dengan kerangka utama nasional dan antarabangsa, termasuk *WHO Traditional Medicine Strategy 2014–2023*, Dasar Nasional PT&K 2007 dan *T&CM Blueprint*.

Dokumen ini memberi tumpuan dalam menangani jurang sedia ada, menyediakan bukti saintifik untuk memajukan PT&K, menyokong integrasinya ke dalam sistem penjagaan kesihatan moden dan meningkatkan kualiti, keselamatan, dan keberkesanan amalan serta produk PT&K.



Imej 4: Majlis pelancaran Keutamaan Penyelidikan PT&K di Malaysia 2024 – 2029 telah disempurnakan oleh YBMK

Proses sistematik telah dijalankan untuk membangunkan keutamaan penyelidikan PT&K yang pertama di Malaysia. Proses ini melibatkan kajian literasi yang menyeluruh, analisis situasi dan penglibatan pihak berkepentingan bagi mengenal pasti keutamaan mereka dan merumuskan bidang penyelidikan utama.

Hasilnya, bidang penyelidikan yang telah dimuktamadkan merangkumi penilaian amalan PT&K, pembangunan produk PT&K, inovasi dan keperluan pendidikan dalam PT&K (**Jadual 4**).

Jadual 4: Keutamaan penyelidikan PT&K di Malaysia

| Bidang penyelidikan utama | Skop penyelidikan |
|--|--|
| <p>Penilaian Amalan PT&K</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Permintaan dan penyampaian amalan PT&K • Kualiti amalan PT&K • Pembiayaan penjagaan kesihatan • Integrasi perkhidmatan PT&K dengan perubatan moden • Peraturan berkaitan amalan dan fasiliti PT&K • Pengetahuan tradisional dalam kalangan komuniti asli dan tempatan di Malaysia |
| <p>Pembangunan Produk PT&K</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Permintaan dan penawaran produk PT&K yang digunakan di Malaysia • Keberkesanan dan keselamatan produk PT&K • Penyeragaman dan kawalan kualiti produk PT&K • Peraturan yang berkaitan dengan produk PT&K • Produk semula jadi dengan tuntutan terapeutik |
| <p>Inovasi dan Keperluan Pendidikan dalam PT&K</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Literasi kesihatan dalam kalangan orang awam dan petugas kesihatan yang berkaitan dengan industri PT&K • Kualiti dan kecekapan industri PT&K • Inovasi dan teknologi |



Imej 5: Tetamu berhormat bersama buku Keutamaan Penyelidikan PT&K di Malaysia 2024 – 2029



KERJASAMA ANTARABANGSA



KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA INDIA

Berikutan tamatnya Memorandum Persefahaman (MoU) yang pertama, satu MoU baru antara Malaysia dan India dalam bidang Ayurveda dan Sistem Perubatan Tradisional Lain telah ditandatangani oleh perdana menteri kedua-dua negara pada 20 Ogos 2024 di India (**Imej 6**).

Pelan tindakan di bawah MoU ini dibincangkan secara berkala pada mesyuarat teknikal dua hala (BTM). BTM kali ke-sembilan telah diadakan pada 26 November 2024 di Putrajaya, Malaysia. Ketua Pengarah Kesihatan telah mengetuai delegasi Malaysia bersama pegawai kanan KKM. Delegasi India yang diketuai oleh Setiausaha Kementerian Ayush diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia dan pakar-pakar perubatan tradisional dari India.

Bidang kerjasama yang dicadangkan dalam mesyuarat ini termasuk pembangunan program pendidikan dan latihan untuk meningkatkan kemahiran anggota kesihatan di Malaysia dalam bidang PTI dan penyelidikan bersama dalam perubatan integratif, tumbuhan ubatan, dan intervensi bukan farmakologi.



Imej 6 : Pertukaran MoU- Kerjasama dalam bidang Ayurveda dan Sistem Perubatan Tradisional Lain di *Hyderabad House*, India



Kerajaan India juga menyokong secara aktif pendidikan PTI melalui inisiatif seperti Skim Biasiswa Ayush yang membolehkan rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang PTI di India. Sehingga 2024, 26 pelajar Malaysia telah menerima manfaat daripada skim ini.

Selain itu, Ayurveda Chair yang telah ditubuhkan di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) oleh Kementerian Ayush dengan deputasi Pakar Perubatan Ayurveda, Dr. Binod Bihari Dora, memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan dalam bidang PTI di Malaysia.

BPTK juga mengambil bahagian secara aktif dalam acara yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi India di Malaysia. Antaranya termasuk Sambutan Hari Ayurveda dan Siddha, bertemakan "Inovasi Ayurveda untuk Kesihatan Global" bagi menggalakkan inovasi dan perkembangan pengamal PTI dan orang awam dalam bidang ini.



Imej 7 : Delegasi Malaysia- India menghadiri BTM ke-9



Imej 8 : Sambutan hari Ayurveda dan Siddha di *Netaji Subhash Chandra Bose Indian Cultural Centre*, Kuala Lumpur pada 30 November 2024



KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA CHINA

Lawatan delegasi Malaysia ke China pada Disember 2024 menandakan pencapaian penting dalam meraikan hubungan diplomatik 50 tahun antara kedua-dua negara dan menguatkan kerjasama dalam perubatan tradisional. Lawatan ini mengukuhkan komitmen di bawah MoU antara kedua-dua kerajaan untuk memajukan perubatan tradisional.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) [TKPK (P)] bersama Pengarah BPTK dan dua pegawai teknikal. Pada 2 Disember 2024, delegasi menghadiri Mesyuarat BTM ke-6 dengan *National Administration of Traditional Chinese Medicine* (NATCM) di Beijing. Mesyuarat menghasilkan konsensus program latihan jangka pendek dalam rawatan kesuburan dan penyakit pediatrik tertentu, penubuhan satu makmal herba bersama dan perancangan satu pusat PTC di Malaysia di bawah inisiatif “*Belt and Road*”.

Delegasi turut melawat Hospital Guanganmen untuk membincangkan penjagaan klinikal PTC, pembangunan kapasiti dan piawaian kejururawatan PTC. Di Chinese Academy of Chinese Medical Sciences (CACMS), mereka meneroka pembangunan piawaian PTC dan teknologi canggih seperti diagnosis PTC berasaskan kecerdasan AI dan kajian praklinikal.



Imej 9: Delegasi China-Malaysia yang menghadiri BTM ke-6



Imej 10: Lawatan ke Hospital Guanganmeng, Beijing



Imej 11: Penerimaan delegasi Malaysia oleh China Academy of Chinese Medical Sciences (CACMS), Beijing

Pada 3–4 Disember 2024, delegasi turut menghadiri *World Conference on Traditional Medicine* di *National China Conventional Centre* yang berfokuskan tadbir urus, perubatan tradisional berasaskan bukti dan standard pendidikan perubatan tradisional. Persidangan ini berakhir dengan Deklarasi Beijing yang menekankan peranan perubatan tradisional dalam kesihatan awam dan integrasinya ke dalam sistem kesihatan.

Wakil BPTK turut menyertai mesyuarat Pusat Kolaborasi WHO dan Pendaftaran Kajian Klinikal Perubatan Tradisional Antarabangsa (ITMCTR) yang berfokus kepada Strategi Perubatan Tradisional WHO 2025–2034. Pengarah BPTK dilantik sebagai penasihat bagi ITMCTR *Advisory Group Meeting*, yang memberi tumpuan kepada penyelesaian cabaran dalam pendaftaran kajian klinikal untuk perubatan tradisional.



Sepanjang tahun 2024, kedua-dua negara mengekalkan hubungan yang erat melalui program perkongsian maklumat yang dianjurkan oleh kerajaan negara China, termasuk:

1) *China (Guangxi) Traditional Chinese Medicine Import and Export Supplier Conference*



TARIKH:
6 Mac 2024



TEMPAT:
Nanning,
Guangxi, China



PENGANJUR:
Jawatankuasa
Persidangan China
(Guangxi) Import and
Export Traditional
Chinese Medicine
Supplier dan
Kerajaan Rakyat
Nanning

Persidangan ini memperkenalkan Nanning sebagai pusat perdagangan baharu import dan eksport herba perubatan Cina di antara China dan negara ASEAN. Acara ini melibatkan lebih daripada 300 peserta, termasuk pegawai kerajaan dan pemimpin industri perniagaan. Ia menampilkan perasmian kemudahan penting seperti Pusat Dagangan Herba Perubatan Cina Guangxi serta pemeteraian 21 projek yang merangkumi bidang pemprosesan, perdagangan, peredaran dan perkhidmatan ujian herba.



Imej 12 : Wakil BPTK menghadiri 2024 China (Guangxi) TCM Import and Export Supplier Conference



2) Seminar Amalan Berasaskan Bukti bagi Perubatan Tradisional Cina



TARIKH:
15-16 Julai 2024



TEMPAT:
Royale
Chulan, Kuala
Lumpur



PENGANJUR:
BPTK bersama *National
Administration of
Traditional Chinese
Medicine (NATCM)*

BPTK dengan kerjasama NATCM, Republik Rakyat China telah menganjurkan seminar ini. Ia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan dan turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada KKM, NATCM dan wakil kedutaan kerajaan negara China di Malaysia.

Tujuan utama seminar ini adalah untuk mewujudkan platform pertukaran pengetahuan dan perkongsian pengalaman antara kedua-dua negara bagi memajukan perkhidmatan PT&K di samping menambahbaik usaha dalam penyelidikan berkaitan bidang PT&K dan aplikasinya dalam membuat keputusan dasar. Lebih daripada 60 orang peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk badan kawal selia KKM, pengamal, penyelidik dan ahli akademik dalam bidang PT&K di Malaysia telah menghadiri seminar tersebut. Seminar ini merangkumi perkongsian pendapat dan pengalaman daripada enam (6) orang pakar PTC mewakili CACMS.

Hasil daripada seminar ini, diharapkan hala tuju penyelidikan dan perkhidmatan PT&K di Malaysia dapat diperkukuhkan dengan inisiatif yang proaktif seperti pembangunan Garis Panduan Amalan Klinikal PT&K di Malaysia dan pembangunan program pensijilan dan akreditasi untuk jawatankuasa etika penilaian kajian PT&K di institusi pendidikan di Malaysia. Usaha lain termasuk menambah data kajian tempatan melalui penyelidikan klinikal PT&K yang berkualiti tinggi dengan jalinan kerjasama antarabangsa serta memperluaskan perkhidmatan PT&K yang disediakan di fasiliti KKM bagi memberikan manfaat kepada lebih ramai pesakit.



Imej 13: Wakil-wakil KKM, NATCM, Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia dan penceramah semasa majlis perasmian seminar



3) Global TCM Health Industry Knowledge Alliance Summit



TARIKH:
12 SEPTEMBER 2024



TEMPAT:
Beijing, China



PENGANJUR:
Beijing
Administration of
Traditional Chinese
Medicine

Sebagai sebahagian daripada Pameran Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa China 2024, sidang kemuncak ini bertujuan untuk mempromosikan kerjasama dalam pengurusan penyakit kronik, membangunkan masyarakat yang sihat di China dan memupuk kerjasama antarabangsa dalam industri kesihatan bandar, inovasi dan penanaman bakat bagi memajukan PT&K secara global. Pengarah BPTK telah menyampaikan ucap tama secara maya berkenaan usaha Malaysia dalam mengintegrasikan perubatan tradisional dan moden untuk menangani beban penyakit kronik. Antara inisiatif yang dikongsikan termasuk penyelidikan PT&K berasaskan bukti, pembangunan kapasiti pengamal dan hubungan kerjasama dengan China.



Imej 14 :Pengarah BPTK memberi ucap tama maya di persidangan



KOLABORASI PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

1) MESYUARAT MEMBER STATE CONSULTATION ON PROGRESS IN IMPLEMENTING THE REGIONAL FRAMEWORK FOR HARNESSING TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE (T&CM) FOR ACHIEVING HEALTH AND WELL-BEING IN THE WESTERN PACIFIC, AND TO SEEK FEEDBACK ON THE DRAFT WHO TRADITIONAL MEDICINE STRATEGY 2025-2034

Mesyuarat “Member State Consultation on Progress in Implementing the Regional Framework for Harnessing T&CM for Achieving Health and Well-being in the Western Pacific, and to seek feedback on the draft WHO Traditional Medicine Strategy 2025-2034” telah dianjurkan oleh Pejabat Serantau WHO bagi Pasifik Barat pada 28–29 Ogos 2024 di Seoul, Republik Korea. Mesyuarat ini dihadiri oleh lebih 50 delegasi dari negara anggota termasuk wakil daripada BPTK iaitu Dr. Goh Cheng Soon sebagai Penasihat Sementara, serta dua pegawai teknikal, Teoh Sheh Ki dan Dr. Chan Li Yen.

Konsultasi ini bertujuan menilai kemajuan, cabaran, dan keperluan dalam pelaksanaan *Regional Framework for Harnessing T&CM for Achieving Health and Well-being in the Western Pacific* yang telah diterima pakai pada Oktober 2021 dan mendapatkan maklum balas terhadap draf *WHO Traditional Medicine Strategy 2025–2034* yang akan dibentangkan dalam *World Health Assembly* ke-78 pada tahun 2025 untuk pengesahan.



Imej 15: Sesi bergambar bersama delegasi dari negara-negara anggota WHO Rantau Pasifik Barat

Mesyuarat selama dua hari ini merangkumi enam (6) sesi, termasuk pembentangan oleh pakar WHO mengenai pengukuhan peranan PT&K dalam perlindungan kesihatan sejagat dan pengintegrasinya ke dalam sistem penjagaan kesihatan negara, khususnya penjagaan kesihatan primer. Negara anggota berkongsi perkembangan pelaksanaan *Regional Framework*, meneliti draf strategi, serta membincangkan isu utama seperti pengawalseliaan, pendidikan, dan penyelidikan.

Malaysia turut menyampaikan dua (2) pembentangan iaitu "*Integrating T&CM into National Primary Health Systems: A Survey from Western Pacific Region Countries*" oleh Dr. Goh Cheng Soon, yang berkongsi dapatan mengenai tadbir urus, liputan perkhidmatan, amalan terbaik, serta cabaran dalam integrasi PT&K; dan "*Country Experience from Malaysia: Improving Coverage and Equitable Access to T&CM Services*" oleh Teoh Sheh Ki, yang menekankan perkhidmatan PT&K di Malaysia, usaha meningkatkan kualiti dan keselamatan, cabaran, serta hala tuju masa depan.

Pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi melalui sesi perkongsian dan perbincangan bersama negara anggota lain merupakan peluang penting dalam merancang bidang fokus dan hala tuju pembangunan PT&K di Malaysia.



Imej 16: Sesi perbincangan panel bersama *Temporary Advisor* dan delegasi negara-negara anggota WHO Rantau Pasifik Barat



2) PUSAT KOLABORASI WHO BAGI PERUBATAN TRADISIONAL, KOMPLEMENTARI DAN INTEGRATIF (WHOCC TCI)

Pelantikan BPTK sebagai Pusat Kolaborasi WHO bagi Perubatan Tradisional, Komplementari dan Integratif (WHOCC TCI) dilanjutkan selama empat (4) tahun lagi, iaitu dari 29 Jun 2024 hingga 29 Jun 2028. Bahagian ini telah menerima pelantikan sebagai WHOCC TCI buat pertama kalinya pada tahun 2020.

Pada tahun 2024, BPTK sebagai WHOCC TCI telah menerima kunjungan daripada pelbagai institusi dan agensi antarabangsa, termasuk *Guizhou University of Traditional Chinese Medicine* dan *Nanjing University of Traditional Chinese Medicine* dari China, serta *World Federation of Acupuncture-Moxibustion Societies (WFAS)*. Dalam kunjungan tersebut, maklumat mengenai tadbir urus PT&K di Malaysia serta perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di fasiliti KKM telah dikongsi bersama delegasi.

Mesyuarat Tertutup Pusat Kolaborasi WHO telah diadakan pada 4 Disember 2024 sempena *World Conference on Traditional Medicine* di Beijing, China. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 40 peserta yang merupakan ahli WHOCC TCI, termasuk Dr. Goh Cheng Soon, sebagai Ketua WHOCC TCI, Malaysia. Mesyuarat ini membincangkan strategi WHO di dalam Strategi Perubatan Tradisional 2025–2034 dan pertukaran maklumat mengenai kepakaran dan pelan kerja.

Pelanjutan pelantikan ini menunjukkan komitmen BPTK dalam menyokong objektif strategik WHO melalui pengukuhan pengetahuan asas mengenai integrasi PT&K dalam sistem kesihatan negara. BPTK juga akan menyokong aktiviti teknikal WHO dalam pembangunan kapasiti negara anggota WHO dan pihak berkepentingan bukan keuntungan dalam PT&K. Pelan tindakan utama termasuk kolaborasi dengan WHO dalam pengumpulan dan analisis data PT&K dalam penjagaan kesihatan primer dan peranan PT&K dalam penuaan sihat, serta menyelaraskan aktiviti teknikal WHO dengan penyebaran maklumat dan program pembangunan kapasiti.



Imej 17: Sesi plenari semasa mesyuarat tertutup Pusat Kolaborasi WHO di Beijing, China



3) WHO TECHNICAL MEETING ON ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) FOR GLOBAL HEALTH: ADVANCING TRADITIONAL MEDICINE

The WHO Global Traditional Medicine Centre (GTMC) and Digital Health and Innovation (DHI) telah menganjurkan mesyuarat ini pada 11–12 September 2024 di All India Institute of Ayurveda (AIIA), New Delhi, India. Mesyuarat hibrid ini melibatkan 60 peserta dari 15 negara di enam (6) rantau WHO, bertujuan berkongsi pengalaman dan pandangan untuk memajukan perubatan tradisional melalui AI. Malaysia telah diwakili secara fizikal oleh Dr Lim Kai Siang, Ketua Unit PT&K, Hospital Selayang, dan secara dalam talian oleh Cik Teh Li Yin dan Dr. Sivasangari Balan dari BPTK.

Perbincangan utama tertumpu kepada memastikan akses saksama dan perkongsian manfaat melalui perjanjian harta intelek (IP) yang berkaitan dengan AI. Penekanan turut diberikan kepada pengukuhan pembangunan kapasiti untuk penggunaan AI dalam kalangan pihak berkepentingan perubatan tradisional. Selain itu, usaha untuk mempercepat perkongsian pengetahuan antara pengguna, pembuat dasar, dan kumpulan lain melalui AI telah ditekankan sebagai keutamaan kritikal. Para peserta turut menyumbang kepada pembangunan ringkasan teknikal global WHO mengenai AI dan perubatan tradisional yang dijadualkan dilancarkan pada Oktober 2024, serta perpustakaan global WHO tentang perubatan tradisional.

Mesyuarat ini turut menekankan kepentingan menyesuaikan undang-undang IP untuk melindungi pengetahuan tradisional dalam era AI, merujuk kepada Perjanjian *World Intellectual Property Organization* (WIPO) yang akan datang mengenai IP dan Pengetahuan Tradisional. Pembangunan kapasiti dalam AI untuk perubatan tradisional diberi penekanan, memandangkan potensi AI yang besar dalam mentransformasi hasil penjagaan kesihatan. Mesyuarat ini diakhiri dengan komitmen untuk membangunkan pelan kerja khusus bagi melaksanakan inisiatif yang telah dibincangkan.



Imej 18: Anggota mesyuarat bersama Setiausaha Kementerian Ayush di AIIA, New Delhi, India.

LAWATAN DARIPADA AGENSI LUAR NEGARA

LAWATAN DARIPADA *WORLD FEDERATION OF ACUPUNCTURE-MOXIBUSTION SOCIETIES (WFAS)*

Pada 25 Jun 2024, satu delegasi daripada WFAS yang diketuai oleh Profesor Yang Jinsheng, Ketua Setiausaha WFAS, Penyelidik dan Ketua Pakar Perubatan CACMS telah mengadakan lawatan ke BPTK, disertai bersama wakil daripada Pusat T&CM UTAR. Lawatan ini diadakan di bawah inisiatif “*Belt and Road*” untuk memahami perkembangan terkini PTC di Malaysia. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dalam perubatan tradisional, sempena sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-Republik Rakyat China.

Semasa lawatan tersebut, BPTK telah memberi gambaran keseluruhan berkenaan PT&K di Malaysia yang merangkumi pengawalseliaan, tadbir urus, sistem pendidikan, inisiatif penyelidikan, kolaborasi antarabangsa dan sebagainya. WFAS telah memperkenalkan struktur organisasi, aktiviti promosi, kerjasama dengan negara lain, latihan, platform penyelidikan, standard kebangsaan akupunktur dan pencapaian. WFAS merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang terdiri daripada persatuan-persatuan akupunktur-moksibusi dan mempunyai hubungan rasmi dengan WHO.

Delegasi WFAS juga telah berkongsi input tentang pengiktirafan amalan perubatan orang asli di China serta penggunaan akupunktur dalam rawatan *Cerebral Palsy* (CP) bagi kanak-kanak. BPTK berminat untuk menerokai potensi menjalankan projek penyelidikan berkenaan CP bersama WFAS.



Imej 19: Delegasi WFAS, BPTK dan wakil pusat T&CM UTAR



KERJASAMA TEMPATAN

BENKEL PENYELARASAN PENGUATKUASAAN AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [AKTA 775]

Bengkel di atas telah diadakan pada 2 - 4 Julai 2024 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Peserta terdiri daripada pelbagai kumpulan sasaran termasuk pegawai penguat kuasa PT&K yang bakal dilantik daripada BPTK dan CPTK, wakil agensi penguatkuasaan KKM, penasihat undang-undang dan timbalan pendakwa raya.

Bengkel ini bertujuan untuk merangka, merancang, dan menyelaraskan pelan tindakan penguatkuasaan Akta 775. Objektif utama bengkel ini termasuk mengenal pasti elemen kesalahan, memahami kuasa yang diperuntukkan kepada pegawai penguat kuasa, serta memberikan penerangan kepada pegawai diberi kuasa yang bakal dilantik di bawah Seksyen 48, Akta 775. Melalui sesi perbincangan dalam bengkel ini, para peserta memahami elemen perundangan dan penguatkuasaan dengan lebih jelas serta mempelajari kaedah terbaik daripada agensi penguatkuasaan yang lain.

Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya dilaksanakan dengan dengan impak yang positif kepada para peserta, khususnya dalam memahami Akta 775. Peserta juga memberi cadangan agar bengkel susulan diadakan untuk meneruskan usaha memperkasakan penguatkuasaan perkhidmatan PT&K di Malaysia. Penganjuran bengkel ini membuktikan komitmen tinggi untuk memastikan perkhidmatan PT&K adalah selamat dan berkualiti, selaras dengan matlamat penguatkuasaan Akta 775.



Imej 20: Peserta bengkel bergambar bersama Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK



Imej 21: Sesi perbincangan dalam kumpulan

WEBINAR BERKENAAN “EMPOWERING TALENT: INSIGHTS INTO TALENTCORP’S PROGRAMMES AND INCENTIVES”

Satu webinar bertajuk “*Empowering Talent: Insights into TalentCorp’s Programmes and Incentives*” telah diadakan pada 6 Ogos 2024. Tujuan webinar ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pemain industri PT&K dan pegawai BPTK mengenai fungsi program dan insentif yang ditawarkan oleh *TalentCorp*, sebuah agensi kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam menarik, memupuk dan mengekalkan bakat.

Lebih daripada 50 orang peserta telah menghadiri webinar tersebut. Dr. Goh Cheng Soon, pengarah BPTK dan Puan Nor Asmahan Othman, Ketua *Industry Partnership TalentCorp* telah menyampaikan ucapan pembukaan dan ucapan penutup. Antara topik pembentangan dalam webinar ini termasuk:

- 1. Pengenalan berkenaan Program dan Insentif di bawah TalentCorp – Maximising Potential: TalentCorp Incentives for SMIs/SMEs** oleh Puan Azura Ahmad, Assistant Vice President II, Industry Partnership
- 2. Program MyNext – A Data-Driven Talent Solutions Platform for Industry** oleh En. Nakeeran Marimuthu, Pengurus, Business Development, MyNext
- 3. Program MySIP & LiKES – Harnessing Talent Potential: Deep Dive into MySIP & LiKES Initiatives** oleh Puan Siti Noratikah binti Kasmoi, Lead, Internship Facilitation, Graduate & Emerging Talent

Pemain industri PT&K telah mendapat pendedahan berkenaan pelbagai program dan insentif *TalentCorp* dalam mengoptimumkan bakat, menarik bakat global dan membina rangkaian bakat terbaik. Program-program ini boleh memanfaatkan graduan PT&K, pengamal, syarikat dan institusi pengajian tinggi dengan meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat Malaysia.



Imej 22: Peserta webinar “*Empowering Talent: Insights into TalentCorp’s Programmes and Incentives*”

BENGGEL PEMBANGUNAN KERANGKA KEMAHIRAN INDUSTRI (INDSF) BAGI SEKTOR PT&K BIL.1/2024

Cawangan Pembangunan Profesion, BPTK dengan kerjasama *Human Resource Development Corporation (HRD Corp)*, Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan satu bengkel bertajuk *Pembangunan Kerangka Kemahiran Industri (IndSF)* bagi sektor PT&K Bil.1/2024 di Ancasa Hotel, Kuala Lumpur pada 22 September 2025. Dr. Kalai Vani Maniam, Ketua Unit *Industrial Skills Development, HRD Corp* telah dijemput sebagai penceramah dan fasilitator bagi bengkel ini.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada *HRD Corp, Talent Corporation (Talent Corp)*, pegawai BPTK dan badan pengamal PT&K yang ditetapkan iaitu:

- 1) Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia;
- 2) Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia;
- 3) Pertubuhan Perubatan Tradisional India, Malaysia;
- 4) Majlis Perubatan Homeopati Malaysia;
- 5) Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia; dan
- 6) Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia

Sebagai salah satu implementasi Strategi ke-7, *T&CM Blueprint (Economic & Sociocultural)*, penganjuran bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan input daripada semua wakil bidang amalan sektor PT&K berkenaan keperluan untuk membangunkan satu kerangka kemahiran dan kepakaran bagi pemain industri PT&K.

Melalui sesi sumbangsaran, peserta daripada setiap bidang amalan telah dapat

- i) mengenal pasti bidang fokus utama, laluan kerjaya serta penerangan mengenai pekerjaan dan kemahiran bagi mereka yang akan memberikan perkhidmatan PT&K; dan
- ii) mengenal pasti jurang di antara keadaan kemahiran dan kekangan kepakaran pada masa ini.

Secara keseluruhannya, sesi bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan telah meningkatkan kesedaran peserta berkenaan manfaat kerangka IndSF terhadap pembangunan industri PT&K.



Imej 23: Sesi bergambar peserta, urusetia dan fasilitator bersama Pengarah BPTK dan Ketua Pegawai Strategi HRD Corp



Imej 24 : Aktiviti semasa bengkel

SESI LIBAT URUS DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN BERKAITAN PEMBANGUNAN DRAF CADANGAN PERMOHONAN PREMIS PT&K SWASTA SEBAGAI PUSAT LATIHAN RESIDENSI BAGI BIDANG AMALAN PTC

Sesi libat urus untuk mengenalpasti kriteria yang sesuai untuk mengendalikan latihan residensi di premis PT&K swasta dalam bidang amalan PTC bersama pihak berkepentingan telah diadakan pada 21 Oktober 2024 secara dalam talian.

Antara pihak berkepentingan yang telah menyertai sesi libat urus ini adalah *UTAR, Xiamen University Malaysia, IMU University, Malaysian Chinese Medical Association, Sunway TCM Centre, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Associations Malaysia, INTI International University, Thomson TCM Centre* dan *Management & Science University*.

Isu seperti kriteria penyelia dan modul latihan residensi, perlindungan insurans, memorandum persefahaman dan latihan residensi untuk graduan asing telah dibincangkan.

Sesi libat urus ini berakhir dengan kesimpulan bahawa satu bengkel akan diadakan untuk memperhalusi draf modul latihan residensi sedia ada untuk PTC dan membincangkan isu yang berbangkit.



PELAKSANAAN AKTIVITI T&CM BLUEPRINT 2018-2027

A) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (HEALTH CARE)

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana bagi *T&CM Blueprint 2018-2027 (Health Care)* telah diadakan pada 26 April 2024 dan dipengerusikan oleh Dr. Goh Cheng Soon.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan penetapan sasaran pada tahun semasa, pencapaian status pada tahun sebelumnya serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam *T&CM Blueprint*.

Pencapaian pada 2023 termasuk pembangunan *Guidelines for T&CM Healthcare Facilities and Services in Malaysia*, serta penubuhan *T&CM Research Advisory Committee* susulan pelancaran *Framework on T&CM Research in Malaysia*.

Dalam mesyuarat tersebut, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) juga berkongsi berkenaan pencapaian terkini iaitu pelaksanaan pendaftaran produk semula jadi berdasarkan *Guideline on Natural Products with Modern Claim* yang mula berkuat kuasa pada 4 April 2024.

**SEHINGGA DISEMBER 2023, SEMUA AKTIVITI
TELAH MULA DILAKSANAKAN ,DAN
SEJUMLAH 22 DARIPADA 51 OUTPUT
INDICATORS TELAH DICAPAI (43%).**



Traditional and
Complementary
Medicine
Blueprint
2018-2027
Health Care



Traditional and
Complementary
Medicine
Blueprint
2018-2027
Health Care



Traditional and
Complementary
Medicine
Blueprint
2018-2027
Health Care

B) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (ECONOMIC & SOCIOCULTURAL)

I) MESYUARAT JAWANTANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Pelaksanaan *T&CM Blueprint (Economic & Sociocultural)* telah diadakan secara dalam talian pada 10 Julai 2024 bagi memantau pelaksanaan aktiviti oleh lebih daripada 20 kementerian dan agensi kerajaan.,

II) MESYUARAT JAWANTANKUASA PEMANDU

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah diadakan secara fizikal pada 13 September 2024.

Antara isu-isu yang diketengahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu termasuk meneliti:

- i) hala tuju pembangunan T&CM ke arah perubatan integratif.
- ii) perkara-perkara berkaitan pembangunan industri herba, termasuk penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi; dan
- iii) keperluan penubuhan jawatankuasa teknikal baharu untuk membincangkan isu-isu berkenaan pembangunan industri herba.



Imej 25: Gambar kumpulan bersama YBMK sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi Pelaksanaan *T&CM Blueprint (Economic & Sociocultural)*.

Susulan itu, dua bengkel bagi mempromosi perubatan integratif serta pembangunan industri herba di Malaysia telah diadakan pada 14-15 Oktober dan 22 Oktober 2024 bersama pelbagai pemegang taruh untuk membincangkan isu-isu yang dikenapasti.

SEHINGGA 30 JUN 2024, 13 DARIPADA 67 OUTPUT INDICATORS TELAH TERCAPAI (19.4%)

B) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (ECONOMIC & SOCIOCULTURAL)

BENGGEL PROMOSI PERUBATAN INTEGRATIF

BPTK telah menganjurkan Bengkel Promosi Perubatan Integratif pada 14-15 Oktober 2024 dengan matlamat memperkukuh integrasi perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan.

Bengkel ini melibatkan 124 peserta dari pelbagai sektor, termasuk agensi KKM, Kementerian Belia dan Sukan, hospital, universiti, institut penyelidikan, badan pengamal PT&K serta pakar dari pelbagai disiplin perubatan moden. Ia menyediakan platform bagi mengadakan perbincangan secara mendalam antara pakar perubatan moden dan pengamal PT&K, serta sesi dialog bersama Ketua Pengarah Kesihatan. Melalui bengkel ini, para peserta telah mengenal pasti isu dan cabaran serta membangunkan strategi dan pelan tindakan untuk kemampunan penawaran perkhidmatan PT&K di sektor awam.

Bengkel ini juga bertujuan untuk mengoptimumkan penglibatan PT&K dalam pengurusan penyakit untuk meningkatkan status kesihatan dan kesejahteraan pesakit dalam bidang kesihatan lelaki, wanita, kanak-kanak, pengurusan kesakitan dan neurologi, onkologi dan paliatif, penjagaan warga emas serta kesihatan mental.

Bengkel ini mencerminkan komitmen KKM untuk mempromosikan pendekatan kesihatan holistik dan integratif yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia serta memastikan PT&K adalah berkesan dan bersepadu dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan.



Imej 26: Gambar berkumpul bersama Ketua Pengarah Kesihatan sempena Bengkel Promosi Perubatan Integratif

B) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (ECONOMIC & SOCIOCULTURAL)

BENGKEL PEMBANGUNAN INDUSTRI HERBA DI MALAYSIA


BPTK dengan kerjasama Bahagian Sekuriti Makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan Bengkel Pembangunan Industri Herba di Malaysia pada 22 Oktober 2024. Seramai 68 orang peserta dari pelbagai kementerian/agensi, institut pengajian tinggi, institut penyelidikan, persatuan dan syarikat yang terlibat dalam pembangunan industri herba telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel ini bertujuan memetakan rantai nilai industri herba di Malaysia dengan meneliti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai kementerian, agensi, dan pemain industri yang terlibat serta mengenal pasti jurang dan cadangan penambahbaikan. Peserta dibahagikan kepada lima (5) kumpulan untuk membincangkan isu berkaitan aktiviti utama, iaitu (i) bekalan bahan mentah; (ii) pengetahuan tradisional- termasuk dokumentasi, rujukan, pemuliharaan, dan peraturan/kawalan; (iii) pembangunan ekstrak; (iv) pembangunan produk dan (v) pengkomersialan.

Para peserta telah mendapat input dan kefahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap rantai nilai industri herba di Malaysia melalui perbincangan dan pertukaran pendapat antara pelbagai pemegang taruh dalam bengkel ini. Adalah diharapkan dengan kerjasama erat dan komitmen dari semua pihak, struktur tadbir urus industri herba akan menjadi lebih cekap dengan pelaksanaan inisiatif yang lebih terselaras. Ini seterusnya akan meningkatkan kemampuan, daya tahan dan produktiviti industri herba serta menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan rakyat dan penjana ekonomi negara.




Imej 27: Gambar berkumpulan sempena Bengkel Pembangunan Industri Herba



PENERBITAN

GUIDELINE ON TRADITIONAL CHINESE MEDICINE NURSING PROCEDURES IN PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES


Garis panduan ini dilancarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Bin Hassan pada 15 Julai 2024 di Ancasa Hotel Kuala Lumpur. BPTK, KKM telah mengambil inisiatif untuk membangunkan garis panduan ini memandangkan terdapat peningkatan minat di kalangan fasiliti penjagaan kesihatan swasta untuk menyediakan perkhidmatan kejururawatan PTC.



Imej 28 : Majlis Pelancaran *Guideline On The Traditional Chinese Medicine Nursing Procedures in Private Healthcare Facilities* bersama Dr. Wu Zhendou- Ketua Pengarah, Jabatan Kolaborasi Antarabangsa, NATCM dan Dr. Zhao Xiangdong- Kaunselor Sains dan Teknologi, Kedutaan China di Malaysia

Garis panduan ini menetapkan standard asas latihan yang selamat untuk membantu jururawat memberikan perkhidmatan kejururawatan PTC di fasiliti swasta mengikut lunas peraturan dan undang-undang sedia ada.

Selain itu, garis panduan ini juga memudahkan latihan jururawat dengan menyediakan maklumat am mengenai prasyarat dan proses yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kejururawatan PTC.



PENGEMASKINIAN SENARAI KELAYAKAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN UNTUK PENGAMAL PTI DI BAWAH AKTA 775

Hasil kerjasama dengan *Central Council of Indian Medicine* (CCIM), Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan untuk pengamal PTI di bawah Akta 775 telah dimuktamadkan pada tahun 2019.

Setelah lima (5) tahun senarai tersebut digunapakai, Cawangan Majlis PT&K (CMPTK) telah memohon senarai terkini dan komprehensif institusi yang diiktiraf bagi kelayakan di tahap Sarjana Muda dalam Ayurveda, Siddha dan Unani di India daripada badan berkanun di India iaitu *National Commission for Indian Systems of Medicine* (NCISM) pada Januari 2024.

CMPTK telah menerima maklum balas senarai institusi yang diiktiraf oleh NCISM bagi kelayakan Sarjana Muda dalam Ayurveda, Siddha dan Unani di India pada Februari 2024. Seterusnya, Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk pengamal PTI di Akta 775 yang dikemaskini telah dipersetujui oleh Majlis PT&K dan dimuatnaik ke laman web rasmi BPTK pada 2 April 2024 di <https://hq.moh.gov.my/tcm/ms/index.php/kelayakan-pti>.




STATISTIK & PENCAPAIAN

STATISTIK PERKHIDMATAN PT&K DI HOSPITAL KKM

Pada tahun 2024, jumlah pesakit yang menerima perkhidmatan PT&K di hospital KKM telah meningkat daripada 52,366 kepada 60,634. **(Rajah 6)**


Perkhidmatan PTI telah ditangguhkan sejak Julai 2021 (Terapi Varmam) dan Oktober 2021 (Shirodhara dan Terapi Basti Luaran) disebabkan tamatnya tempoh deputasi pengamal PTI daripada kerajaan India. Perkhidmatan ini akan disambung semula apabila pengamal dan pembantu pengamal PTI yang baharu dideputasi ke Malaysia.



Rajah 6: Jumlah bilangan pesakit yang menerima perkhidmatan PT&K di hospital KKM 2019- 2024

STATISTIK MASA MENUNGGU TEMUJANJI PERTAMA UNIT PT&K, HOSPITAL KKM


Sasaran masa menunggu temujanji pertama bagi kesemua perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM berjaya dicapai bagi tahun 2024, iaitu lebih daripada 80% pesakit mendapat tarikh temu janji pertama di Unit PT&K dalam 28 hari. **(Rajah 7).**



Rajah 7: Pencapaian masa menunggu temujanji pertama dalam masa 28 hari di Unit PT&K hospital KKM bagi 2024


ADUAN BERKAITAN PERKHIDMATAN PT&K

Unit Survelan dan Siasatan, Cawangan Inspektorat & Penguatkuasaan (I&P) bertanggungjawab dalam mengendalikan aduan berkenaan pengamal dan perkhidmatan PT&K di Malaysia daripada pelbagai sumber mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Pada 2024, sebanyak 94 aduan dari pelbagai kategori telah diterima. Selain BPTK, pejabat CPTK turut mengendalikan aduan mengikut zon masing-masing. **Rajah 8** menunjukkan bilangan aduan yang diterima dari Januari hingga Disember 2024.




Rajah 8: Jumlah bilangan aduan yang diterima bagi 2024

Aduan yang diterima adalah melalui emel, telefon dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), KKM. **Rajah 10 dan Rajah 11** menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut saluran sepanjang 2024 mengikut bidang amalan yang diiktiraf.




Rajah 10: Jumlah bilangan aduan mengikut saluran bagi 2024




Rajah 11: Jumlah bilangan aduan mengikut bidang amalan diiktiraf bagi 2024

- • • Aduan melibatkan kelayakan merupakan kategori aduan yang tertinggi diterima, dengan
- • • 33 aduan direkodkan seperti di dalam **Rajah 12**. Selain itu, aduan lain adalah berkenaan
- • • yuran, kursus yang dianjurkan, produk tidak berdaftar, peranti perubatan tidak
- • • berdaftar, mengamal tanpa permit kerja yang sah, caj rawatan dan premis tidak berlesen.



Rajah 12: Kategori aduan yang diterima bagi 2024

Rajah 13 menunjukkan pengelasan aduan sama ada berasas atau tidak berasas. Sebanyak empat (4) aduan dikategorikan sebagai tidak berasas kerana aduan yang diterima tidak mempunyai maklumat yang lengkap daripada pengadu, premis tidak lagi beroperasi, bidang amalan tidak diiktiraf/ dikawal selia oleh BPTK dan aduan tidak tepat.




Rajah 13: Pengelasan aduan yang disahkan bagi 2024

LAWATAN PENDIDIKAN PENGAMAL PT&K

Unit Operasi dan Risikan, Cawangan I&P bertanggungjawab untuk menjalankan lawatan pendidikan ke atas pengamal PT&K yang menawarkan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendidikan dan pengetahuan kepada pengamal PT&K ke arah persediaan penguatkuasaan penuh Akta 775 dan kawalan iklan kemahiran terhadap perkhidmatan PT&K. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan data taburan pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf di seluruh negara.

Sepanjang 2024, sebanyak 268 buah premis telah dilawati di seluruh Malaysia oleh pegawai daripada BPTK dan pejabat CPTK. Berdasarkan pecahan zon, BPTK telah mengunjungi 88 buah premis diikuti dengan Sabah (48), Zon Selatan (38), Sarawak (36), Perak (22), Zon Timur (23) dan Zon Utara (13).

Daripada 268 buah premis yang dilawati, sebanyak 512 orang pengamal telah berjaya ditemu bual. Taburan pengamal yang telah ditemu bual mengikut zon di seluruh Malaysia adalah BPTK dengan 190 orang pengamal, diikuti dengan Zon Selatan (78), Sabah (74), Perak (57), Sarawak (48), Zon Timur (44), dan Zon Utara (21). Statistik lawatan pendidikan pengamal PT&K sepanjang 2024 adalah seperti dalam **Rajah 14**.




Rajah 14: Lawatan pendidikan pengamal mengikut zon bagi 2024

LAWATAN PEMERHATIAN PREMIS PT&K

Unit Operasi dan Risikan, Cawangan I&P juga bertanggungjawab untuk menjalankan lawatan pemerhatian premis yang menawarkan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Lawatan pemerhatian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan pematuhan premis yang dilawat berdasarkan piawaian dan keperluan seperti yang digariskan dalam *Guidelines on Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia* untuk memastikan pemberian perkhidmatan PT&K adalah selamat dan berkualiti.

Bagi 2024, lawatan pemerhatian premis PT&K dijalankan ke atas premis yang menyediakan perkhidmatan PTM. 136 premis telah dilawati di seluruh Malaysia. Berdasarkan pecahan zon, Sabah telah mengunjungi 46 buah premis diikuti dengan BPTK (40), Perak (14), Sarawak (10), Zon Selatan (10), Zon Timur (10) dan Zon Utara (6). Statistik lawatan pemerhatian premis PT&K sepanjang 2024 adalah seperti dalam **Rajah 15**.



Rajah 15: Jumlah bilangan premis PTM yang dilawati mengikut zon pada 2024

LAWATAN PREMIS BAGI PENILAIAN AMALAN PT&K BAHARU

Akta 775 memperuntukkan penubuhan Majlis PT&K untuk mengawal selia pengamal dan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Oleh itu, bidang-bidang amalan yang belum diiktiraf perlu melalui satu proses penilaian mengikut mekanisme dan kriteria penilaian amalan sebelum bidang amalan tersebut disyorkan oleh Majlis PT&K kepada Menteri Kesihatan untuk menjadi bidang amalan yang diiktiraf.

Unit Operasi dan Risikan, Cawangan I&P dipertanggungjawabkan untuk menjalankan lawatan penilaian premis berdasarkan senarai premis yang diterima daripada pihak Sekretariat Penilaian Amalan PT&K.

Selepas lawatan penilaian premis, satu laporan lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu akan disediakan oleh Cawangan I&P dan dikemukakan kepada Sekretariat Penilaian Amalan PT&K. Sekretariat ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan menilai laporan ini sebelum dihantar kepada Majlis PT&K untuk pertimbangan dan kelulusan.

Pada 2024, lawatan penilaian premis telah dijalankan untuk penilaian satu (1) bidang amalan baharu iaitu Aromaterapi. Statistik lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu bagi 2024 dipaparkan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Statistik lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu bagi 2024

| Bidang Amalan | Jumlah premis yang diterima daripada Sekretariat Penilaian Amalan PT&K | Jumlah premis yang perlu dilawat (B) | Jumlah premis yang telah dilawat (A) | Bilangan premis yang dilawat mengikut negeri | Pencapaian (%) [(A ÷ B) x 100%] |
|---------------|--|--------------------------------------|--------------------------------------|---|---------------------------------|
| Aromaterapi | 40 | 15 | 15 | Selangor (5) WP Kuala Lumpur (5) Perak (1) Kelantan (1) Johor (1) Sabah (1) Pahang(1) | 100 |

SARINGAN IKLAN PERKHIDMATAN PT&K OLEH BPTK

Saringan iklan perkhidmatan PT&K merupakan skop kerja penguatkuasaan yang dijalankan oleh Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 merupakan akta utama yang dirujuk untuk kawalan iklan perkhidmatan PT&K.

Seksyen 4A Akta ini memperuntukkan kawalan pengiklanan yang merujuk kepada kemahiran dan perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis apa-apa ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia. Aktiviti saringan iklan terdiri daripada saringan iklan di premis semasa lawatan pendidikan pengamal PT&K, lawatan pemerhatian premis atau pengesahan aduan, dalam media sosial dan juga penerbitan langganan terpilih.

Pada 2024, BPTK telah berjaya melaksanakan 100% saringan iklan bagi penerbitan yang dilanggan, 156 saringan iklan fizikal telah dijalankan di 69 premis dan 190 iklan dalam media baharu telah disaring ke atas 68 premis yang mempunyai platform media baharu.

Tindakan yang diambil terhadap iklan yang disaring termasuklah memberikan amaran lisan, mengeluarkan surat amaran, menjalankan siasatan di bawah Seksyen 4A Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan merujuk kepada agensi lain. **Jadual 6** menunjukkan pencapaian bagi aktiviti saringan iklan oleh BPTK serta tindakan yang diambil terhadap iklan yang telah disaring.

Jadual 6: Aktiviti saringan iklan dan tindakan yang telah diambil oleh BPTK bagi 2024

| Jenis saringan iklan | Pencapaian (Mengikut bilangan saringan iklan) | Tindakan yang diambil terhadap iklan yang disaring | | | | |
|---|---|--|--------------|------------------------------|--------------------------|------------------------|
| | | Amaran lisan | Surat amaran | Siasatan di bawah Seksyen 4a | Rujuk kepada agensi lain | Tiada tindakan susulan |
| Saringan iklan dalam penerbitan langganan | 100% | - | - | - | - | 100% |
| Saringan iklan di premis | 156 | 6 | 24 | - | - | 126 |
| Saringan iklan dalam media baharu | 190 | 2 | 74 | - | - | 114 |
| JUMLAH | 346 | 8 | 98 | - | - | 240 |

SARINGAN IKLAN PERKHIDMATAN PT&K OLEH PEJABAT CPTK

Pada tahun 2024, pejabat CPTK telah berjaya menjalankan 769 saringan iklan di zon masing-masing. **Jadual 7** menunjukkan aktiviti saringan iklan yang dilaksanakan oleh pejabat CPTK bagi 2024.

Pencapaian untuk CPTK Zon Selatan dan Zon Timur adalah lebih tinggi berbanding dengan CPTK yang lain kerana kedua-dua CPTK tersebut menerima jumlah aduan yang lebih tinggi dan aktiviti saringan iklan ini turut dilakukan ketika pegawai turun ke premis bagi membuat pengesahan sesuatu aduan.

Jadual 7: Aktiviti saringan iklan oleh pejabat CPTK bagi 2024


| Jenis saringan iklan | Pencapaian (Mengikut bilangan saringan iklan) | | | | | |
|---|---|-----------|-------------|-----------|------------|------------|
| | Zon Timur | Zon Utara | Zon Selatan | Perak | Sabah | Sarawak |
| Saringan iklan dalam penerbitan langganan | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% | 100% |
| Saringan iklan fizikal di premis | 52 | 26 | 188 | 15 | 126 | 65 |
| Saringan iklan dalam media baharu | 40 | 26 | 67 | 52 | 72 | 40 |
| JUMLAH | 92 | 52 | 255 | 67 | 198 | 105 |

LATIHAN ANJURAN BPTK


Pelaksanaan latihan anjuran BPTK pada tahun 2024 adalah bertujuan untuk:

- (i) meningkatkan kompetensi, kepakaran dan pengetahuan pegawai di bahagian
- (ii) mempersiapkan pegawai bagi menguatkuasakan Akta 775 secara sepenuhnya pada masa akan datang
- (iii) mengimplementasikan aktiviti-aktiviti dalam *Traditional and Complementary Medicine Blueprint 2018-2027 (Healthcare)*
- (iv) memperkasakan pembangunan sendiri, keperibadian dan profesionalisme melalui kursus generik

Jumlah sesi latihan yang dijalankan ialah 26. Statistik latihan adalah seperti di dalam **Rajah 16 dan Rajah 17**.



Rajah 16: Statistik latihan anjuran BPTK bagi 2024



Penilaian Latihan adalah berdasarkan skala Likert 1 (Sangat tidak setuju) dan- 6 (Sangat bersetuju)

Rajah 17: Penilaian keseluruhan latihan oleh peserta bagi 2024

PENDIDIKAN PENGGUNA



SESI TAKLIMAT DAN LIBAT URUS BERSAMA JABATAN KERAJAAN TEMPATAN (JKT) NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) BERKAITAN PT&K - PELESENAN & PENGUATKUASAAN

Sesi taklimat dan libat urus bersama JKT semua negeri dan PBT telah diadakan pada 20 Februari 2024 di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya. Seramai 119 peserta daripada JKT Negeri dan PBT serta En. Hasnainin bin Hassan selaku wakil pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, JKT telah menghadiri sesi taklimat dan libat urus ini.

Tujuan sesi taklimat dan libat urus ini diadakan adalah untuk memberikan maklumat serta meningkatkan kesedaran di kalangan PBT berkenaan pengawalseliaan amalan dan pengamal PT&K di bawah Akta 775. Sesi ini juga adalah untuk memudahkan pihak PBT mengenalpasti pengamal PT&K yang telah berdaftar dengan Majlis PT&K dalam bidang amalan diiktiraf bagi tujuan pelesenan dan aktiviti penguatkuasaan serta memberi kesedaran kepada pihak PBT tentang wujudnya golongan pengamal PT&K dalam bidang amalan yang belum diiktiraf. Semasa sesi ini, Taklimat Pengenalan Akta 775, Pendaftaran Pengamal PT&K di bawah Akta 775 dan *Guidelines on Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia* telah dikongsikan.



Imej 29: Sesi bergambar bersama 119 peserta daripada JKT negeri dan PBT

TAKLIMAT AKTA PT&K 2016 SERTA KEWAJIPAN PENGAMAL BERDAFTAR


Taklimat Akta PT&K 2016 Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar merupakan salah satu tugas utama di Cawangan I&P. Taklimat ini dianjurkan kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf untuk memberikan penerangan kepada pengamal PT&K berhubung dengan keperluan Akta 775 serta kewajipan sebagai seorang pengamal berdaftar. Sesi taklimat secara dalam talian mula dilaksanakan sejak Julai 2020 berikutan pandemik COVID-19 dan masih diteruskan sehingga kini.

Pada 2024, sebanyak 111 sesi taklimat telah berjaya dilaksanakan oleh Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK, sama ada secara dalam talian atau bersemuka.

Cawangan I&P telah menganjurkan 23 sesi taklimat secara dalam talian melalui *Google Meet* dan lapan (8) sesi taklimat secara bersemuka. Daripada sesi taklimat bersemuka tersebut, dua (2) sesi taklimat telah diadakan pada 15 Mei 2024 di NIH melibatkan seramai 109 orang pengamal. Enam (6) sesi bersemuka yang selebihnya telah dianjurkan melalui jemputan persatuan atau pertubuhan tertentu disebabkan oleh kekangan seperti liputan internet yang terhad, pengamal warga emas dan juga kerana terdapat pengamal orang kurang upaya penglihatan.


Bagi penganjuran taklimat oleh CPTK pula, sebanyak 49 sesi bersemuka dan 31 sesi secara dalam talian telah berjaya dianjurkan. Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

- i) Perak - Empat (4) sesi bersemuka dan 27 sesi dalam talian;
- ii) Sabah - 17 sesi bersemuka;
- iii) Sarawak - 11 sesi bersemuka dan empat (4) sesi dalam talian;
- iv) Zon Selatan - Tujuh (7) sesi bersemuka;
- v) Zon Timur - Tujuh (7) sesi bersemuka; dan
- vi) Zon Utara- Tiga (3) sesi bersemuka



Imej 30: Sesi taklimat akta secara dalam talian yang dijalankan oleh CPTK Sarawak pada 24 Februari 2024

Secara keseluruhannya, jumlah pengamal yang telah hadir ke taklimat tersebut pada 2024 adalah seramai 7337 orang dengan purata peratus kelulusan menjawab borang soal selidik semasa taklimat adalah 95%. Statistik jumlah pengamal yang telah menghadiri Taklimat Atka 775 sepanjang 2024 adalah seperti dalam **Rajah 18**.



Rajah 18: Bilangan pengamal yang menghadiri Taklimat Akta PT&K 2016 Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar bagi 2024



Imej 31: Ketua Cawangan I&P, BPTK sedang menyampaikan sesi taklimat bersemuka di NIH pada 15 Mei 2024

AKTIVITI PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K

Bagi tahun 2024, BPTK telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan pengguna melalui ceramah dan pameran seperti di dalam **Jadual 8 dan Jadual 9**.

Jadual 8: Aktiviti pendidikan kepenggunaan PT&K 2024

| Bil. | Program/Topik PT&K | Penceramah | Tarikh/Platform/ Lokasi |
|------|--|---|---|
| 1. | Perkembangan PT&K di Malaysia | Dr. Muhammad Zubair Bin Zain Al-aabideen | <ul style="list-style-type: none"> 15 Februari 2024 FB Live Online UITM |
| 2. | Sesi Libat Urus dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerajaan Tempatan | Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus | <ul style="list-style-type: none"> 20 Februari 2024 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya |
| 3. | Wawancara Radio & Televisyen: Perubatan Moden vs. Perubatan Tradisional | <p>Pn. Chai Lan Yin</p> <p>En. Gunalan Jeyaraman</p> <p>Cik. Jivanti Murugaiyan</p> <p>En. Baharuddin bin Azeesur Rahman</p> <p>En. Baharuddin bin Azeesur Rahman</p> | <ul style="list-style-type: none"> 23 Februari 2024 Radio Kool Fm, Kuala Lumpur 26 Februari 2024 Radio Asyik FM, Angkasapuri Kuala Lumpur 27 Februari 2024 Radio RTM, Angkasapuri, Kuala Lumpur 28 Februari 2024 Radio Selangor FM, Angkasapuri, Kuala Lumpur 29 Februari 2024 Selamat Pagi Malaysia, TV1, RTM, Angkasapuri, Kuala Lumpur |
| 4. | Ceramah : <i>The Governance of T&CM in Malaysia, TRAFFIC</i> | Pn. Chai Lan Yin | <ul style="list-style-type: none"> 7 Mei 2024 Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC) |
| 5. | Webinar: Kesedaran Harta Intelek Berhubung Dengan Pengetahuan Dalam Bidang Amalan Perubatan Dan Herba Tradisional Orang Asal Sabah dan Sarawak | Dr. Kavitha Agamutu | <ul style="list-style-type: none"> 20 Jun 2024 Secara Dalam Talian (<i>Google Meet</i>) |
| 6. | Ceramah : <i>What lies ahead-Beyond the Transitional Period for Act 775</i> | Dr. Dyanan Puvanandran | <ul style="list-style-type: none"> 24 Jun 2024 Hotel Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya, Selangor |
| 7. | Sesi Libat Urus dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) | Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus | <ul style="list-style-type: none"> 11 Julai 2024 Ibu Pejabat SKMM, Cyberjaya, Selangor |
| 8. | Ceramah : <i>Back to School: Educating our T&CM Practitioners, 5th International Integrative Medicine Conference</i> | Dr. Asvini Kanan | <ul style="list-style-type: none"> 13 Julai 2024 <i>Majestic Hotel Kuala Lumpur</i> |

AKTIVITI PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K

| Bil. | Program/Topik PT&K | Penceramah | Tarikh/Platform/ Lokasi |
|------|--|--|---|
| 9. | <i>Recent Developments of T&CM</i> | Pn. Gong Jia Ying | <ul style="list-style-type: none"> • 14 Ogos 2024 • Secara Dalam Talian (<i>Google Meet</i>) |
| 10. | Program Persidangan PTM Nusantara 2.0: Ke Arah Integrasi Amalan PTM dan Perubatan Moden | Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof | <ul style="list-style-type: none"> • 24-25 Ogos 2024 • Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI), Kuala Lumpur |
| 11. | <p><i>T&CM Workshop Series 2024</i></p> <p><i>i) T&CM Practices and Practitioners in Malaysia</i></p> <p><i>ii) T&CM Registration Guidelines</i></p> <p><i>iii) Development of T&CM Act 2016 & Its Subsidiary Legislations</i></p> <p><i>iv) Appointment, Functions and Powers of T&CM Council</i></p> <p><i>v) Establishment and Role of the Joint Technical Committee (JTC) for Accreditation Assessment of T&CM Educational Programmes-</i></p> <p><i>vi) Formulation of the List of Recognised Qualifications in Recognized Practice Areas</i></p> | <p>Dr. Muhammad Hisyam bin Kamarulzaman</p> <p>Dr. Sharifah Firyelhana binti Syed Abdul Rahman</p> <p>Dr. Asvini Kanan</p> | <ul style="list-style-type: none"> • 28-30 Ogos 2024 • Rakaman Atas Talian, <i>Malaysia Medical Association (MMA)</i> |
| 12. | Sesi Libat Urus dengan Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Selangor | Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus | <ul style="list-style-type: none"> • 5 November 2024 • Bilik Mesyuarat 1, BPTK |




Imej 32: Sesi libat urus dengan SKMM, 11 Julai 2024 di Ibu Pejabat SKMM, Cyberjaya, Selangor

AKTIVITI PAMERAN PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K

Jadual 9: Aktiviti pameran pendidikan kepenggunaan PT&K 2024

| Program | Pengawai | Tarikh/Platform/ Lokasi |
|---|---------------------------------------|---|
| Pameran <i>TRAFFIC</i> | En. Muhammad Haffis bin Mohd Musthafa | <ul style="list-style-type: none"> 7 Mei 2024 Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC) |
| Pameran: Tradisional dan Komplementari sempena Program <i>Diversity is a Beauty</i> | En. Muhammad Haffis bin Mohd Musthafa | <ul style="list-style-type: none"> 29 Mei 2024 Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor |
| Pameran : Seminar <i>Integrative Medicine: Onward and Beyond the Transitional Period</i> | En. Gunalan Jeyaraman | <ul style="list-style-type: none"> 24 Jun 2024 Hotel Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya, Selangor |
| Pameran: Program Hari Bertemu Pelanggan KKM tahun 2024 | Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof | <ul style="list-style-type: none"> 3 Oktober 2024 Blok E7, Kompleks E, KKM, Putrajaya |
| Pameran: Hari Komersialisasi FRIM 2024 | Dr. Samir Imran bin Asarudin | <ul style="list-style-type: none"> 16-17 Oktober 2024 Auditorium <i>Forest Research Institute Malaysia (FRIM)</i>, Kepong, Kuala Lumpur |
| Pameran: Persidangan MIH Megatrends 2024 | Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof | <ul style="list-style-type: none"> 25-27 Oktober 2024 <i>Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)</i> |
| Pameran: Persidangan Antarabangsa Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (ICICH) 2024 | Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof | <ul style="list-style-type: none"> 19-20 November 2024 Hotel Avante, Petaling Jaya, Selangor |
| Pameran: Program Dua Tahun Kerajaan Madani dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2024 | Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof | <ul style="list-style-type: none"> 22-24 November 2024 <i>Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)</i> |



AKTIVITI PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K



asyik
rtmklik.rtm.gov.my

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GUNALAN A/L JEYARAMAN

PEGAWAI FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISNIN
26.02.2024

11:30 PAGI

FREKUENSI
102.5 FM
KUALA LUMPUR

**PERUBATAN MODEN
VS PERUBATAN TRADISIONAL**

Kenali Ubat Anda Program Perkhidmatan Farmasi pharmacy.gov.my knowyourmedicine.gov.my



spm
Selamat Pagi, Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAHARUDDIN BIN AZEESUR RAHMAN

PEGAWAI FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KHAMIS
29.02.2024

9:15 PAGI

**PERUBATAN MODEN
VS PERUBATAN TRADISIONAL**

Kenali Ubat Anda Program Perkhidmatan Farmasi pharmacy.gov.my knowyourmedicine.gov.my

Imej 33: Wawancara Radio & Televisyen, Perubatan Moden vs. Perubatan Tradisional



Imej 34: Lawatan YB Timbalan Menteri Kesihatan ke ruuai BPTK, Pameran MIH Megatrends, 25 - 27 Oktober 2024, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

PEMBANGUNAN KOMPETENSI



KURSUS PENGURUSAN STOR DAN BARANG EKSHIBIT

Kursus Pengurusan Stor dan Barang Ekshibit telah diadakan pada 11 - 12 September 2024, dengan kehadiran seramai 40 orang peserta termasuk 24 orang pegawai dari BPTK dan CPTK, serta 16 orang pegawai dari Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF), JKN Selangor.

Objektif kursus ini adalah untuk memberikan kefahaman kepada para peserta mengenai prosedur pengurusan stor dan pengendalian barang bukti yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan KKM. Prosedur ini selaras dengan keperluan akta yang berkenaan dan disesuaikan dengan kapasiti sumber setiap agensi.

Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam pengurusan stor dan barang bukti, dengan fokus kepada kecekapan dan keberkesanan di samping mengalakkan pertukaran pengetahuan antara penceramah berpengalaman dan peserta.



Imej 35: Lawatan ke stor ekshibit CPF, JKN Selangor




Imej 36: Lawatan ke stor ekshibit Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), JKWP Kuala Lumpur

KURSUS PENGENDALIAN ADUAN ANJURAN CPTK SABAH

Kursus Pengendalian Aduan telah dianjurkan pada 26 - 27 Jun 2024 di Bilik Mesyuarat, JKN Sabah, Tingkat 4, Wisma Nah Inanam, Kota Kinabalu, Sabah dengan kehadiran 33 orang peserta dari BPTK dan CPTK.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam mengendalikan aduan dengan lebih efektif serta memperkasakan kemahiran dan ilmu pegawai dalam pengendalian aduan. Peserta telah diberikan pendedahan mengenai konsep, teknik komunikasi berkesan, serta kaedah menyelesaikan aduan secara profesional dan sistematik. Disamping itu, kursus ini juga telah memberikan pencerahan berhubung pengurusan dokumentasi dan rekod pengendalian aduan dengan lebih sistematik.

Kursus ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada peserta mengenai tatacara pengendalian aduan secara sistematik dan profesional. Sepanjang kursus ini, peserta telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang lebih mendalam dalam komunikasi berkesan untuk menyelesaikan aduan dengan berkesan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, kursus ini adalah bermanfaat dan relevan dalam meningkatkan kecekapan pegawai untuk memastikan perkhidmatan PT&K adalah cekap dan berkualiti.



Imej 37: Sesi ceramah bersama ASP Sarinah binti Sait dan Pn. Ellyanti Panis



Imej 38: Sesi interaksi bersama peserta

KURSUS DIPLOMA EKSEKUTIF PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG (ILKAP-UiTM) BIL. 2/2024

Kursus ini merupakan program berjadual yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) sejak 2011. Kursus ini telah berlangsung selama 17 hari, bermula dari 7 hingga 29 Ogos 2024 dan telah dihadiri oleh dua orang pegawai BPTK iaitu En. Baharuddin bin Azeesur Rahman dan Dr. Kavitha Agamuthu.

Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pemahaman peserta dalam penguatkuasaan undang-undang serta memastikan kepekaan mereka terhadap perubahan dan pemakaian undang-undang terkini. Sasaran peserta terdiri daripada pegawai penguat kuasa dan penjawat awam yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan formal dalam bidang undang-undang bagi mengembangkan pemahaman dan kemahiran perundangan yang relevan dengan tugas mereka. Modul kursus ini termasuk asas undang-undang, tatacara penguatkuasaan, isu-isu semasa, teknik penyiasatan, dan pemakaian undang-undang terkini.

Melalui kursus ini, peserta memperoleh pelbagai manfaat, antaranya peningkatan pengetahuan dalam bidang undang-undang, kesedaran terhadap perubahan perundangan, dan kemahiran praktikal dalam aspek penguatkuasaan seperti penyiasatan dan pengumpulan bukti. Kursus ini juga membantu peserta memahami implikasi perundangan yang berkaitan dengan tugas harian mereka, sekali gus meningkatkan keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Secara keseluruhan, kursus ini telah memberikan impak yang signifikan kepada para peserta, termasuk wakil daripada BPTK.



Imej 39: Peserta Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTM) Bil. 2/2024

LATIHAN SANGKUTAN PENDAKWAAN

Pegawai penguat kuasa yang bakal dilantik di bawah seksyen 48, Akta 775 dari BPTK dan CPTK akan diberikan kuasa untuk menguatkuasakan dua akta utama iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290]. Tujuan latihan ini adalah seperti berikut:

1

Memberikan pendedahan praktikal dalam memahami prosedur pendakwaan di mahkamah secara langsung

2

Meningkatkan kemahiran perundangan pegawai dengan melatih kemahiran berhujah

3

Menyediakan dokumen kes dan mengendalikan perbicaraan

4

Memahami proses kehakiman dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang perjalanan kes dari sudut pendakwaan

5

Meningkatkan keyakinan diri untuk mengendalikan kes secara profesional

6

Melahirkan pegawai yang berpengetahuan luas dalam undang-undang dan berupaya menjalankan tugas pendakwaan dengan berkesan.


SASARAN DAN PENCAPAIAN

1. Kehadiran ke Sesi Latihan Sangkutan Pendakwaan

Setiap pegawai disasarkan untuk menghadiri dua (2) sesi latihan sangkutan pendakwaan.

Di peringkat BPTK, sebanyak 16 sesi latihan sangkutan pendakwaan berjaya dilaksanakan pada 2024. Latihan ini melibatkan kerjasama dengan CPF, JKWP Kuala Lumpur dan Putrajaya dan Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan, Program Kesihatan Pergigian.

Pejabat CPTK turut melaksanakan latihan sangkutan pendakwaan mengikut perancangan indikator utama (KPI) yang ditetapkan oleh BPTK. Latihan ini diadakan bersama CPF negeri di zon masing-masing atau bersama Bahagian Kesihatan Pergigian, JKN.



Rajah 19: Pencapaian latihan sangkutan pendakwaan BPTK dan pejabat CPTK pada 2024

2. Penyediaan Laporan Latihan Sangkutan Pendakwaan

Setiap pegawai yang menghadiri latihan ini diwajibkan untuk menyediakan dua (2) laporan yang merangkumi perihal kes dan hasil pembelajaran.

Sebanyak 43 laporan telah disediakan oleh para pegawai. Antara pembelajaran utama yang diperoleh termasuk tatacara prosiding mahkamah, dokumen sokongan yang diperlukan, istilah perundangan, dan keperluan penyediaan fakta serta bukti kes oleh pegawai pendakwa.



Imej 40: Pegawai BPTK bersama pegawai pendakwa daripada CPF JKWP Kuala Lumpur dan Putrajaya di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur

3. Menghasilkan Laporan Kompilasi dan Analisa Aktiviti Latihan

Satu laporan kompilasi yang merangkumi pencapaian dan analisa aktiviti latihan telah dihasilkan. Laporan ini menggambarkan keberkesanan latihan dalam meningkatkan kompetensi pegawai penguat kuasa.

4. Memantau Pelaksanaan Aktiviti Latihan Sepanjang Tahun

Pemantauan aktiviti latihan dilaksanakan melalui *Google Drive* di mana pegawai CPTK boleh mengemas kini pencapaian bulanan mereka. Peringatan berkala diberikan melalui e-mel dan kumpulan *WhatsApp*. Semua aktiviti dipantau secara teliti bagi memastikan sasaran dicapai mengikut ketetapan.

Kesimpulannya, latihan sangkutan pendakwaan ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pegawai berkaitan. Latihan ini memberi pendedahan praktikal kepada pegawai mengenai pengendalian kes di mahkamah, sekali gus mengasah kemahiran dan meningkatkan keyakinan mereka dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Adalah disyorkan agar latihan ini diteruskan pada masa hadapan untuk memastikan pegawai terus memperoleh pengetahuan terkini dan relevan dalam bidang pendakwaan.



Imej 41: Pegawai BPTK bersama pegawai pendakwa daripada pasukan penguatkuasaan Program Kesihatan Pergigian di Mahkamah Sesyen Selayang, Selangor

LATIHAN BERKAITAN AMALAN PT&K

Cawangan Pembangunan Profesion telah menganjurkan beberapa latihan berkaitan Amalan PT&K yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran petugas kesihatan KKM berkaitan PT&K.

Latihan yang dijalankan adalah seperti berikut:

| | |
|-----------|---|
| Tajuk CME | 1. <i>Clinical Aromatherapy</i> |
| Tarikh | 5 Februari 2024 |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">• Mengetahui manfaat aromatherapy dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup |
| Tajuk CME | 2. Terapi Pencegahan Penyakit dalam Amalan Pengubatan Islam |
| Tarikh | 26 Mac 2024 |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">• Memupuk persefahaman anggota kesihatan KKM berkenaan terapi atau amalan yang digunakan dalam Pengubatan Islam untuk pencegahan penyakit |
| Tajuk CME | 3. <i>Functional and Nutritional Medicine for Managing Chronic Health Disorder</i> |
| Tarikh | 7 Mei 2024 |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">• Mengetahui <i>evidence-based practice</i> yang berkaitan dalam bidang amalan <i>Functional dan Nutritional Medicine</i> |
| Tajuk CME | 4. <i>Integrated Hypnotherapy in Cancer: Enhancing Patient Well-being and Treatment Outcomes</i> |
| Tarikh | 30 Julai 2024 |
| Objektif | <ul style="list-style-type: none">• Mendapatkan pendedahan tentang latar belakang, konsep asas serta manfaat amalan Hipnoterapi untuk penjagaan kesihatan pesakit kanser.• Mengetahui <i>Evidence-based practice</i> yang berkaitan dengan amalan Hipnoterapi terhadap penyakit kanser |



AKTIVITI LAIN BERKAITAN PT&K

PELAKSANAAN PROGRAM PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL (PTP)

Program PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer telah diperkenalkan secara berfasa sejak 2019. Fasa pertama melibatkan tujuh (7) JKN iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor, dan Melaka. Fasa kedua melibatkan lapan (8) JKN, iaitu Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program PTP ini dilaksanakan oleh BPTK dengan kerjasama daripada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) dan JKN.

Antara objektif Program PTP adalah seperti berikut :

- Mengintegrasikan perkhidmatan PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer;
- Menawarkan khidmat penjagaan ibu selepas bersalin melalui pengamal PT&K swasta;
- Memberi perkhidmatan nilai tambah dalam sistem penjagaan kesihatan ibu postnatal sedia ada; dan
- Meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan ibu melalui penjagaan tradisional ketika masih berpantang

Perkhidmatan PTP telah diperkenalkan di semua 15 JKN di seluruh Malaysia

SEHINGGA
DISEMBER
2024

348
PENGAMAL
TERLIBAT

43
PEJABAT
KESIHATAN
DAERAH

134
KLINIK
KESIHATAN

92
KLINIK
DESA

Rajah 20: Statistik perkhidmatan PTP sehingga Disember 2024

Sebanyak 348 pengamal PT&K terlibat dalam Program PTP. 98 orang (28%) pengamal PT&K telah berdaftar dengan Majlis PT&K, manakala 132 orang (38%) telah menghantar permohonan untuk pendaftaran. Semua pengamal PT&K di bawah Program PTP diwajibkan untuk mendaftar dengan Majlis PT&K sebelum 28 Februari 2025 bagi meneruskan penawaran perkhidmatan di bawah program ini.

LAWATAN KERJA KE HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN (HTAA), KUANTAN DAN HOSPITAL PEKAN, PAHANG

Pada 10 Oktober 2024, Dr. Goh Cheng Soon telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, dan Hospital Pekan, Pahang. Tujuan utama lawatan adalah untuk meninjau status semasa Unit PT&K di HTAA serta merancang penubuhan Unit PT&K baharu di Hospital Pekan.

Lawatan dimulakan di HTAA dengan sesi mesyuarat bersama pihak HTAA dan JKN Pahang. Dalam mesyuarat tersebut, Dr. Goh Cheng Soon memaklumkan arahan Ketua Pengarah Kesihatan supaya perkhidmatan PT&K di HTAA dihentikan bagi menumpukan sumber kepada penubuhan Unit PT&K baharu di Hospital Pekan, yang akan dijadikan pusat rehabilitasi strok. Pembentangan di mesyuarat adalah mengenai status semasa Unit PT&K HTAA serta cadangan perkhidmatan masa depan.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Hospital Pekan, di mana lokasi cadangan Unit PT&K baharu telah dikenal pasti di Tingkat 2 hospital. Pada peringkat awal, perkhidmatan Urutan Tradisional Melayu akan diperkenalkan dengan perancangan dan perkhidmatan akupunktur akan dipertimbangkan sekiranya sumber mencukupi. Kesimpulannya, lawatan ini memberi fokus kepada pengukuhan dan pengembangan perkhidmatan PT&K di Negeri Pahang serta memastikan perancangan strategik dilaksanakan dengan berkesan demi manfaat pesakit.



Imej 42: Perbincangan dan lawatan tapak bersama JKN Pahang dan pihak pengurusan Hospital Pekan

TAKLIMAT KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI RISIKO JANGKITAN MPOX DI MALAYSIA KEPADA PENGAMAL PT&K

Pada 2 September 2024, Cawangan I&P telah menganjurkan Taklimat Kesiapsiagaan bagi Menghadapi Risiko Jangkitan Mpx di Malaysia. Sasaran peserta taklimat ini adalah pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Inisiatif ini berikutan pengisytiharan Mpx sebagai kecemasan kesihatan awam yang menjadi kepentingan antarabangsa.

Taklimat ini diadakan secara dalam talian melalui *Google Meet* dan mengambil masa selama dua jam iaitu bermula pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Sejumlah 488 peserta telah menghadiri taklimat ini. Taklimat ini disampaikan oleh dua (2) orang penceramah iaitu seorang Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Sektor Kawalan Zoonosis, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM dan seorang Pakar Perubatan Keluarga dari Klinik Kesihatan Ampang, Selangor.

Peserta mendapat manfaat berupa pandangan mendalam mengenai strategi kesiapsiagaan dan respons terhadap jangkitan Mpx, sekaligus meningkatkan keupayaan mereka dalam menangani risiko kesihatan awam dengan berkesan.

Google Meet

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TERHAD

500 PESERTA SAHAJA

TAKLIMAT KESIAPSIAGAAN
BAGI MENGHADAPI RISIKO JANGKITAN

MPOX DI MALAYSIA

2 September 2024
(Isnin)
10.00 pagi - 12.00
tengah hari

TERBUKA KEPADA SEMUA PENGAMAL
PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI (PT&K)

SILA IMBAS UNTUK SERTAI

Google Meet

KLIK DI SINI
UNTUK SERTAI

Penceramah daripada:
Sektor Kawalan Penyakit Zoonosis
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Anjuran:
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

www.moh.gov.my/tcm tcm@moh.gov.my 03 2279 8100

MALAYSIA MADANI

Imej 43: Poster hebahan berkenaan penganjuran taklimat yang disiarkan di laman web dan media sosial BPTK

LAPORAN KEWANGAN



PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN


Unit Pentadbiran dan Kewangan BPTK bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan kewangan selaras dengan pekeliling perbendaharaan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia bagi memastikan peruntukan bajet daripada Bahagian Kewangan KKM digunakan dengan cekap untuk setiap aktiviti yang dirancang. Peruntukan dan perbelanjaan BPTK bagi tahun 2024 adalah seperti di dalam **Jadual 10**.

Jadual 10: Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2024

| Jenis Peruntukan | Kategori | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) |
|------------------|------------------------|-----------------|-------------------|
| Belanja Mengurus | Bekalan & Perkhidmatan | 3,180,655.96 | 3,180,655.96 |
| | Aset | 39,631.50 | 39,631.50 |
| Pembangunan | Latihan | 109,996.90 | 109,996.90 |
| | Aset | 0.00 | 0.00 |

PRESTASI PEMBAYARAN BIL

Selaras dengan arahan Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan, Bahagian ini telah mensasarkan semua bil dan tuntutan yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh terima invois. Pada tahun 2024, sebanyak 527 bil didaftarkan dan kesemuanya telah berjaya disempurnakan dalam tempoh masa kurang daripada 14 hari seperti di **Rajah 21**.



Rajah 21: Ringkasan prestasi pembayaran bil bagi 2024

PUNGUTAN HASIL

Bagi tahun 2024, sejumlah RM 1,275,612.00 hasil telah dikutip berbanding pada tahun 2023 iaitu sebanyak RM685,036.10 (**Jadual 11**). Peningkatan kutipan hasil adalah berikutan dengan pelaksanaan pendaftaran pengamal PT&K selaras dengan Akta 775.

Selain itu juga, kutipan hasil turut melibatkan jualan e-Waste dan jualan secara sisa daripada aktiviti pelupusan aset alih kerajaan.

Jadual 11: Kutipan hasil tahun 2024 berbanding dengan 2023

| Jenis Pungutan Hasil | Perihal Hasil | Kod Hasil | Jumlah Kutipan Hasil | |
|---|--------------------------|-----------|----------------------|-----------------|
| | | | Tahun 2023 (RM) | Tahun 2024 (RM) |
| Yuran Pemprosesan Pendaftaran Pengamal PT&K | Fi | H0272409 | 684,510.00 | 1,275. 310.00 |
| Pelupusan Aset | Hasil Jualan e-Waste | H0273301 | 470.00 | 230.00 |
| | Hasil Jualan secara sisa | H0273302 | 83.10 | 72.00 |
| JUMLAH | | | 685,063.10 | 1,275,612.00 |



AKTIVITI JAWATANKUASA PERINGKAT BPTK

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKK) 2024

Penubuhan dan pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKK) adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 [Akta 514] dan perundangan subsidiarinya. Bagi sesi 2023/2024, Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) merupakan Pengerusi JKK IPKKM, Jalan Cenderasari. Pelantikan Pengerusi JKK IPKKM Jalan Cenderasari adalah secara bergilir untuk setiap dua (2) tahun di antara BPTK dengan BPK. JKK IPKKM Jalan Cenderasari diwakili oleh seorang (1) wakil majikan dan seorang (1) wakil pekerja dari setiap bahagian di IPKKM Jalan Cenderasari iaitu BPTK, BPK dan Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Di bawah JKK, tiga (3) jawatankuasa kecil telah ditubuhkan iaitu:

(i) Jawatankuasa Keselamatan & *Emergency Response Team* (ERT);

(ii) KOSPEN *Wellness for Workers* (WOW); dan

(iii) Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

i) JK KESELAMATAN

MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKK)

Penganjuran Mesyuarat JKK setiap tiga (3) bulan merupakan salah satu keperluan seperti yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994. Mesyuarat ini membincangkan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang perlu diambil perhatian serta tindakan susulan yang sewajarnya oleh pihak majikan. Bagi tahun 2024, sebanyak empat (4) sidang mesyuarat telah diadakan seperti di dalam **Jadual 12**.

Jadual 12: Mesyuarat JKK yang telah diadakan pada 2024

| Bil. | Tarikh | Tempat |
|--------|------------------|-------------------------------|
| 1/2024 | 25 Mac 2024 | Bilik Mesyuarat Utama, Blok A |
| 2/2024 | 25 Jun 2024 | Bilik Mesyuarat Utama, Blok A |
| 3/2024 | 9 September 2024 | Bilik Mesyuarat Utama, Blok A |
| 4/2024 | 19 November 2024 | Bilik Mesyuarat Utama, Blok A |

Pemantauan dan pemeriksaan berkala kawasan IPKKM Jalan Cenderasari serta siasatan kemalangan, penyakit pekerjaan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan kemalangan di tempat kerja adalah dilakukan sepanjang tahun oleh wakil JK Keselamatan/ ERT dan KOSPEN WOW BPTK, BPK dan MPM. Laporan penemuan akan dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKK untuk perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya. Jumlah laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKK adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 13**.

Jadual 13: Jumlah laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKK 2024

| Laporan | BPTK | BPK | MPM | Jumlah |
|----------------------------|------|-----|-----|--------|
| Keselamatan | 3 | 6 | 6 | 15 |
| Kesihatan | 3 | - | - | 3 |
| Kemalangan di Tempat Kerja | 3 | - | 1 | 4 |

KURSUS PEMANTAPAN KESEDARAN KESELAMATAN IPKKM JALAN CENDERASARI

| | |
|-------------------------|---|
| Tarikh | 7 – 8 Ogos 2024 |
| Masa | 9.00 a.m – 4.30 p.m |
| Tempat | Bilik Serbaguna, Aras 3, Blok C, IPKKM Jalan Cenderasari |
| Bilangan Peserta | 30 orang peserta [BPK (20), BPTK (5) dan MPM (5)] |
| Objektif | Memberikan pengetahuan berkenaan keselamatan dan pelanggaran perlindungan, memupuk kesedaran dan sikap bertanggungjawab terhadap kawalan keselamatan berpandukan Akta Rahsia Rasmi 1972, asas keselamatan fizikal, asas keselamatan dokumen dan asas keselamatan peribadi |
| Penceramah | En. Samsul Norjefrin bin Samsuddin dan En. Khairul Sharizan bin Hamid dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia |



Imej 44: Sesi perbincangan semasa kursus



Imej 45: Gambar berkumpulan semasa kursus

AKTIVITI JK KOSPEN WOW

Aktiviti yang dilaksanakan oleh JK KOSPEN WOW adalah seperti berikut:

i) LATIHAN KECERGASAN KOSPEN WOW BPTK 2024 - BPTK SIHAT CERGAS



TARIKH:

- SIRI 1: 7 MAC 2024
- SIRI 2: 8 MEI 2024
- SIRI 3: 17 JULAI 2024
- SIRI 4: 22 OGOS 2024
- SIRI 5: 30 OKTOBER 2024



TEMPAT:

- Taman Botani Perdana, KL
- Gelanggang Serbaguna, IPKKM
Jalan Cenderasari



MASA:

4.00 P.M- 5.00 P.M



Imej 46: Aktiviti Senamrobik BPTK Cergas di Taman Botani Perdana

ii) SARINGAN KESIHATAN KOSPEN WOW BPTK 2024



TARIKH & MASA:

- 6 & 9 SEPTEMBER 2024
- 8.00 A.M - 10.00 A.M



TEMPAT:

- Bilik Mesyuarat 2, BPTK



Imej 47: Warga BPTK sedang menjalani saringan kesihatan

AKTIVITI JK KOSPEN WOW

iii) PERMAINAN SUKAN RAKYAT KOSPEN WOW BPTK 2024



TARIKH & MASA:

25 SEPTEMBER 2024

8.00A.M-12.00 P.M



TEMPAT:

- **Gelanggang Serbaguna, IPKK, Jalan Cenderasari**



Imej 48: Acara baling tin dan galah panjang permainan sukan rakyat KOSPEN WOW

iv) X-BREAK DI BPTK

X-Break adalah aktiviti regangan ringkas di ruang kerja dan dilakukan semasa waktu bekerja. Aktiviti ini dilaksanakan dalam masa 3 – 5 minit setelah duduk yang lama melebihi 2 jam. Inisiatif ini adalah bagi memastikan supaya penjawat awam kekal aktif semasa waktu bekerja.

Aktiviti X-Break ini adalah bertepatan dengan saranan YAB Perdana Menteri ketika melancarkan Kempen Hidup Aktif (*When Active Living Kicks – WALK*) pada 3 November 2018. Di BPTK, pembudayaan aktiviti ini diterapkan ketika Mesyuarat Bahagian dan Mesyuarat Pegawai serta ketika kursus atau bengkel anjuran BPTK.



Imej 49: Pembudayaan X-Break ketika Bengkel Pembangunan Industri Herba



Imej 50: X-Break ketika Mesyuarat Pegawai BPTK

JAWATANKUASA KEBAJIKAN/ KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) DAN TAMAN HERBA

Jawatankuasa Kebajikan/KIK dan Taman Herba, BPTK telah menjalankan pelbagai aktiviti tahunan bagi tahun 2024. Objektif aktiviti tersebut dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan antara anggota BPTK, menghargai kepelbagaian budaya rakyat Malaysia dengan menganjurkan aktiviti keramaian serta memberi sumbangan bagi kebajikan anggota.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Aktiviti JK KIK dan Taman Herba bagi 2024

| Bil. | Aktiviti | Tarikh |
|------|---|---|
| 1. | Edaran buah limau mandarin sempena Tahun Baru Cina | 31 Januari 2024 |
| 2. | Majlis sambutan Tahun Baru Cina | 23 Februari 2024 |
| 3. | Edaran buah kurma sempena bulan Ramadhan | 4 Mac 2024 |
| 4. | Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri | 25 April 2024 |
| 5. | Pertandingan Dekorasi Ruang Pejabat Peringkat KKM sempena Bulan Kebangsaan 2024 | 19 Ogos 2024 |
| 6. | Serahan 9 spesis tumbuhan terpilih oleh FRIM ke BPTK | 7 Oktober 2024 |
| 7. | Edaran <i>Goodies</i> Sempena Hari Deepavali | 23 Oktober 2024 |
| 8. | Jamuan Akhir Tahun BPTK serta Sambutan Hari Deepavali dan Hari Natal | 16 Disember 2024 |
| 9. | Aktiviti Taman Herba- Pembersihan dan Pembajaan | 9 Mei 2024 9 Ogos 2024 4 Oktober 2024 13 Disember 2024 |
| 10. | Sumbangan kelahiran/ perkahwinan/ perpindahan/ kemasukan wad/ kematian/ bencana | Sepanjang tahun 2024 |

JAWATANKUASA KEBAJIKAN/ KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) DAN TAMAN HERBA 2024



Imej 51: Majlis Sambutan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri 2024



Imej 52: Serahan spesies tumbuhan terpilih oleh FRIM ke BPTK



Imej 53: Aktiviti dekorasi keceriaan ruang pejabat peringkat KKM sempena Bulan Kebangsaan 2024

JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

JK EKSA telah melaksanakan aktiviti jawatankuasa yang dirancang hasil kerjasama semua warga BPTK. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2024 adalah seperti yang dilaporkan di **Jadual 15**.

Jadual 15: Aktiviti JK EKSA 2024

| Bil. | Aktiviti | Tarikh |
|------|--|---------------------------------------|
| 1. | Mesyuarat JK Induk EKSA Bil. 1/2024 Bil. 2/2024 | 18 Mac 2024 29 Ogos 2024 |
| 2. | Aktiviti Gotong Royong BPTK Bil. 1/2024 Bil. 2/2024 | 2 Mei 2024 8 November 2024 |
| 3. | Aktiviti Kitar Semula | 2 Mei 2024 |
| 4. | Audit Kendiri EKSA Bil. 1/2024 Bil. 2/2024 | 8-9 Mei 2024 11-12 November 2024 |
| 5. | Lawatan Penanda Aras daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan Kompetensi | 10 Mei 2024 |
| 6. | Audit EKSA IPKKM Bil. 1/2024 Bil. 2/2024 | 16 Mei 2024 20 November 2024 |
| 7. | Kursus Perlaksanaan Amalan EKSA- Garis Panduan Baharu BPTK | 4 September 2024 |
| 8. | Hebahan Bahan Promosi EKSA melalui Emel | Setiap bulan sepanjang tahun 2024 |
| 9. | Pengemaskinian Sudut Maya EKSA | Mei 2024, Oktober 2024, Disember 2024 |

JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



Imej 54: Lawatan Penanda Aras pada 10 Mei 2024



Imej 55: Aktiviti Kitar Semula pada 2 Mei 2024



Imej 56: Peserta Kursus Perlaksanaan Amalan EKSA - Garis Panduan Baharu BPTK pada 4 September 2024

ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG 2023



**Dr. Gan
Feng Fang**



**CAWANGAN
AMALAN PT&K**



**Dr. Dyanan
Puvanandran**



**CAWANGAN
MAJLIS PT&K**



**Siti Hajar
binti
Mohamad
Yusof**



**Dr. Ariyani
binti Amin**



**CAWANGAN
PEMBANGUNAN PROFESION**



**Siti
Noraisyah
binti Adam**



LAPORAN 2024 TAHUNAN



BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI



No. Telefon:
03-2279 8100



Emel:
tcm@moh.gov.my



Alamat:
Jalan Cenderasari, Tasik Perdana,
50590 Kuala Lumpur, Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur



Laman Web Rasmi:
hq.moh.gov.my/tcm

e ISSN 3030- 63 61



9773030 636 006